KEMENTERIAN
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

# LAPORAN TAHUNAN
# 2016

PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA



**Cetakan Pertama 2017**
© Perpustakaan Negara Malaysia, 2017
Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia  Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia
Laporan Tahunan / Perpustakaan Negara Malaysia, - 1985 - .
- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .
Tahunan
ISSN 0128-3170
1. Libraries, National - - Malaysia.  2. Corporation reports.
I. Judul 027.5595

# KANDUNGAN


**02** Perutusan Ketua Pengarah

**04** Visi & Misi

**06** Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia

**08** Pengurusan Tertinggi Perpustakaan Negara Malaysia

**12** Pencapaian Perpustakaan Negara Malaysia 2016

**16** Peristiwa Penting

**24** Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

**32** Bahagian Pembangunan Modal Insan

**36** Perkhidmatan Korporat

**44** Prasarana Ilmu dan Maklumat

**50** Statistik Perpustakaan Negara Malaysia

**56** Pembinaan Koleksi

**60** Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

**74** Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)

**82** Perpustakaan Cawangan dan Komuniti

**86** Sistem Pengurusan Kualiti

**88** Program Utama Perpustakaan Negara Malaysia

**94** Kerjasama Perpustakaan

**98** Terbitan Perpustakaan Negara Malaysia

**102** Penulisan

**106** Kelab Perpustakaan Negara Malaysia

**108** Puspanita Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia

**110** Perpustakaan Negara Malaysia dan Rakan Media

**112** Keratan Akhbar

**114** Petunjuk Prestasi Utama (KPI)


PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum wrt, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya kita masih diberi kesempatan untuk melangkah ke tahun 2016. Saya juga melahirkan rasa terima kasih kerana PNM berjaya menerbitkan Laporan Tahunan 2016. Penerbitan ini diharapkan dapat menjadi wadah perkongsian maklumat dan menjadi sumber rujukan kepada semua pihak terutama agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Tahun 2016 merupakan tahun yang sangat bermakna kepada PNM kerana kita meraikan 50 tahun penubuhan PNM. Kita semua seharusnya merasa bangga dapat berkhidmat di bawah PNM. Usia 50 Tahun PNM telah menzahirkan beberapa kejayaan penting yang memberi manfaat yang besar kepada masyarakat umum iaitu:




## Infrastruktur Perpustakaan

PNM telah berjaya menyiapkan 4 unit perpustakaan desa (PD) melalui projek bawah *Rolling Plan* Ketiga Rancangan Malaysia Ke 10 tahun 2014. Empat buah perpustakaan itu ialah, PD Kampung Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak, PD Taman Rancangan Perumahan Awam II Sauk, Kuala Kangsar, Perak, PD Kampung Lebu, Bentong, Pahang dan PD Kampung Kuala Sentul, Maran, Pahang. Dengan pembukaan empat buah PD baharu ini, menjadikan semua jumlah PD dibawah pengurusan PNM ialah sebanyak 510 dan secara tidak langsung ia membuktikan perkhidmatan PNM terus berkembang kepada masyarakat.

## Agenda Transformasi ICT

Selain itu, salah satu agenda Transformasi PNM dalam bidang ICT adalah menaiktaraf u-Pustaka sebagai Hub Negara. Projek u-Pustaka ini adalah kolaborasi di antara lapan perpustakaan dan sepuluh rakan strategik lain. Projek ini merupakan usaha ke arah menyokong Agenda Transformasi PNM dalam bidang ICT serta memanfaatkan Pelan Jalur Lebar Negara.

## Hubungan Antarabangsa

Jaringan persepakatan pintar di peringkat antarabangsa terus diperkukuhkan melalui kerjasama dengan beberapa kedutaan luar Negara di Malaysia termasuklah Kedutaan Iran, Kedutaaan Amerika Syarikat, Kedutaan Hungary dan Kedutaaan Kazakhtan. Hubungan ini tanpa di sedari sebenarnya telah membawa PNM terus dikenali bukan sahaja di Malaysia malah di arena antarabangsa.

## Persidangan, Mesyuarat Antarabangsa dan Program/Aktiviti

Sepanjang tahun 2016 juga, PNM turut menganjur beberapa program yang berskala besar yang memberi sumbangan kepada Kementerian. PNM telah dipilih dan diberi kepercayaan dalam menguruskan pendaftaran peserta antarabangsa di Persidangan *World Tourism Conference* 2016 yang telah diadakan di Pulau Pinang. Secara keseluruhannya, PNM telah menganjurkan 33 program berskala besar dan sederhana. Antaranya; Seminar Institusi Raja Ke IV SIRAJ, Seminar Asas Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu 2016, Karnival Semarak Jawi, Sambutan PNM@50 Tahun, Bengkel Belajar Bahasa Melayu untuk Peserta MM2H, Bicara Harvard dan Program Singgah Santai.

## Pengurusan Kualiti

Setelah 17 tahun PNM melaksanakan pengurusan kualiti Jabatan menerusi MS ISO 9001:2008 pelbagai kemajuan dan kecemerlangan perkhidmatan terutama perkhidmatan kaunter telah dicapai. Berikutan keputusan Audit Pensijilan Semula oleh badan pensijilan SIRIM QAS International Sdn Bhd PNM telah berjaya mengekalkan Sijil ISO 9001:2008 tanpa sebarang laporan ketakakuran *(Non-Conformance Report, NCR)* dengan tempoh sijil mulai 9 April 2016 hingga 14 September 2018. PNM kini sedang membuat persediaan untuk mendapat persijilan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2017. Ini membuktikan kemantapan sistem pengurusan kualiti PNM sentiasa berada di tahap cemerlang, pelaksanaan yang sentiasa di pantau dan ditambahbaik mengikut keperluan semasa.

## PNM sebagai Destinasi Pelancongan

Pastinya PNM akan terus mengorak langkah dengan berpandukan kejayaan tahun 2016 sebagai iltizam untuk terus menggapai kejayan yang lebih gemilang pada tahun 2017.

Tahun 2017 ini merupakan Tahun Melawat Asia dan sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, PNM mempunyai peranan dalam menyokong usaha Kementerian untuk menarik pelancong ke negara kita. Komitmen yang akan ditonjolkan adalah konsep Knowledge Tourism atau Pelancongan Ilmu. Sebagai sebuah pusat khazanah Ilmu, PNM mempunyai peranan besar dalam memastikan konsep Pelancongan Ilmu ini berjaya.

Tahun 2017 pasti terus mencabar kerana dunia sentiasa bergerak pantas. Namun, menjadi tanggungjawab kita bersama untuk saling berpegang tangan berganding bahu untuk terus mengukuhkan silaturrahim sesama kita dalam usaha membawa PNM ke fasa yang seterusnya. Visi dan misi PNM adalah untuk menjadi peneraju pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan di Malaysia bertaraf dunia menjelang Tahun 2020. Usaha akan terus dipertingkatkan untuk mendepani cabaran dalam merealisasikan serta melaksanakan misi dan tanggungjawab ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kejayaan-kejayaan yang telah dan bakal dikecapi ini bukanlah suatu kejayaan yang mudah dicapai jika tidak ditunjangi dengan komitmen yang tinggi, keikhlasan serta semangat berpasukan yang tinggi oleh pihak pengurusan dan warga PNM.

Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen, usaha, kerjasama dan sokongan semua warga PNM yang telah diberikan sepanjang tahun 2016. Saya juga berharap agar sokongan dan kerjasama yang diberikan dapat dipertingkatkan lagi bagi menghadapi cabaran tahun 2017.

**NAFISAH AHMAD**




## Objektif

- Menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan;
- Memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara; dan
- Mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan perpustakaan

## Fungsi PNM

Fungsi utama PNM terbahagi kepada tiga (3) aktiviti utama iaitu Aktiviti Pengurusan, Aktiviti Pembangunan Perpustakaan dan Aktiviti Perkhidmatan . Setiap aktiviti ini mempunyai sub-aktiviti atau bahagian masing-masing bagi mencapai matlamat dan objektif PNM.

**a. Aktiviti Pengurusan**
- Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Perkhidmatan Korporat
- Teknologi Maklumat
- Pembangunan Modal Insan
- Integriti

**b. Aktiviti Pembangunan Perpustakaan**
- Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Pembangunan Koleksi

**c. Aktiviti Perkhidmatan Maklumat**
- Perkhidmatan Rujukan Dan Maklumat
- Perpustakaan Cawangan Dan Komuniti
- Perpustakaan Digital Negara (PERDANA)



| AKTIVITI | SUB AKTIVITI | BAHAGIAN |
|---|---|---|
| PENGURUSAN | Khidmat Pengurusan Sumber Manusia | Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia<br>Pembangunan Sumber Manusia |
| | Perkhidmatan Korporat | Perancangan Strategik dan Antarabangsa<br>Komunikasi Korporat<br>Gerakan Literasi Maklumat |
| | Pembangunan Modal Insan | Pembangunan Modal insan |
| | Teknologi Maklumat | Teknologi Maklumat |
| | Integriti | Unit Integriti |
| PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN | Prasarana Ilmu dan Maklumat | Pembangunan dan Perpustakaan Desa<br>Penyelidikan<br>Khidmat Nasihat dan Perundingan |
| | Pembangunan Koleksi | Pusat Penyerahan dan Terbitan Negara<br>Pusat Bibliografi Negara<br>Pembinaan Koleksi<br>Pemuliharaan |
| PERKHIDMATAN MAKLUMAT | Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat | Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara<br>Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu<br>Sumber Elektronik |
| | Perpustakaan Cawangan dan Komuniti | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis<br>Pinjaman |
| | Perpustakaan Digital Negara (PERDANA) | Rangkaian Sistem Perpustakaan<br>Kandungan Digital<br>Pengurusan Projek |

# AHLI LEMBAGA PENASIHAT PNM SESI 2013 - 2016

1.

PENGERUSI

Tan Sri Dr. Halim Shafie

2.

AHLI

Prof. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh

3.

AHLI

Yang Mulia Raja Datin Paduka Fuziah binti Raja Tun Uda

6.

AHLI

Prof. Dr. Juhana binti Salim

7.

AHLI

Azahar bin Mohd Noor

| | |
|---|---|
| 1. Tan Sri Dr. Halim Shafie | Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| 2. Prof. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh | Pensyarah Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia |
| 3. Yang Mulia Raja Datin Paduka Fuziah binti Raja Tun Uda Alhaj | Penasihat *World Craft Council Asia-Pacific Region* (WCC-APR) |
| 4. Prof Madya Dr. Laili Haji Hashim | Dekan Fakuliti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana |
| 5. Prof Madya Dr. Lim Swee Tin | Pensyarah Kesusteraan Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia |
| 6. Prof. Dr. Juhana binti Salim | Pensyarah Sistem Maklumat Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) |
| 7. Encik Azahar bin Mohd Noor | Ketua Pustakawan PETRONAS Petroleum Centre |
| 8. Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian | Timbalan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (USM) Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia |
| 9. Tan Sri Dr. Ong Hong Peng D.M.P.N., D.S.P.N., K.M.N., | Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia |

4.




Prof Madya Dr. Hj. Laili bin Hj. Hashim

5.




Prof Madya Dr. Lim Swee Tin

8.




Prof. Madya Dr. Sivamurugan Pandian

9.




Tan Sri Dr. Ong Hong Peng D.M.P.N., D.S.P.N., K.M.N.,

# PENGURUSAN TERTINGGI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



**SITI AISHAH BINTI SH. AB. KADIR**
Pengarah | Perpustakaan Digital Negara

**HJ ROSHAM BIN HJ ABDUL SHUKOR**
Pengarah | Prasarana Ilmu dan Maklumat

**NAFISAH BINTI AHMAD**
Ketua Pengarah

**KAMARUDIN BIN MAT NATA**
Pengarah | Perkhidmatan Korporat

**NORAZWANA BINTI YUSOP**
Pengarah | Bahagian Teknologi Maklumat

**ABD RAHMAN BIN SUDIN**
Pengarah | Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat

**MAIZAN BINTI ISMAIL**
Timbalan Ketua Pengarah



# STRUKTUR ORGANISASI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**
YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

**TIMBALAN MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA**
YBHG. DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN

**KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**
YBHG. TAN SRI DR. ONG HONG PENG

**TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PELACONGAN DAN KEBUDAYAAN (KEBUDAYAAN)**
YBHG. DATUK HJ AB. GHAFFAR BIN A. TAMBI

**KETUA PENGARAH**
NAFISAH BINTI AHMAD
JUSA B

## PENGURUSAN

**UNIT INTEGRITI**
KETUA UNIT
WAN YUHAIMISHAM BIN WAN YUSOFF
(S41)

**KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**
PENGARAH
JAZMAN AZI BIN JAMALLUDIN
(M54)

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA**
MOHAMAD RIZAL BIN ABDULLAH
(M48)

**PERKHIDMATAN KORPORAT**
PENGARAH
KAMARUDIN BIN MAT NATA
(S54)

**BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA**
CHIN LOY JYOON
(S52)

**BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT**
HASHIMAH BINTI MOHAMED YUSOFF
(S48)

**BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT**
KATRUN NADA BINTI HJ HASHIM
(S48)

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
PENGARAH
ABDUL MAJID BIN HAMID
(S52)

**BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT**
PENGARAH
NORAZWANA BINTI YUSOP
(F48)

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**
MAIZAN BINTI ISMAIL
JUSA C

## PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN

**PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT**
PENGARAH
HJ ROSHAM BIN HJ ABDUL SHUKOR
(S54)

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA**
DAHLAN BIN SAMAD
(S52)
MOHD AZMI BIN AZIZ
(S48)

**BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN**
RAHIMAH BINTI HJ AHMAD
(S52)

**BAHAGIAN PENYELIDIKAN**
RAMZY BIN MD TAHA
(S48)

**PEMBANGUNAN KOLEKSI**
PENGARAH
(KOSONG)
(S54)

**PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA**
FADHILAH AINI BINTI MD YUSOF
(S52)

**PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA**
ANISATUL-WAHIDAH BINTI ABDUL WAHID
(S48)

**BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI**
DATIN MUNAZZAH BINTI HJ ZAKARIA
(S52)

**BAHAGIAN PEMULIHARAAN**
KOSONG
(S48)

## PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

**PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT**
PENGARAH
ABD RAHMAN BIN SUDIN
(S54)

**PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA**
HARLEEZA BINTI ABU HUSSIN
(S52)

**RUJUKAN LUAR NEGARA**
SUHAILA BINTI ABD RAHMAN
(S48)

**PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU**
FAIZAL HILMIE BIN YUSOF
(S48)

**BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK**
AIDATUL HASNIDA BINTI ABDUL RANI
(S48)

**PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI**
PENGARAH
KOSONG
(S54)

**BAHAGIAN PINJAMAN**
ALI BIN RASHID
(S48)

**PERPUSTAKAAN NEGARA NEGERI PERLIS**
MACHITA BINTI OTHMAN
(S41)

**PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA**
PENGARAH
SITI AISHAH BINTI SH. AB. KADIR
(S54)

**BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN**
NOR O'BAIDAH BINTI ABIDIN
(S52)

**BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL**
WAN MOHAMAD FAZALI BIN MOHD SALLEH
(S48)

**BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK DIGITAL**
RAZMAN BIN ABD RANI
(S48)

# PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2016

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PENCAPAIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2016

Sepanjang tahun 2016 PNM telah mencapai pelbagai anugerah dan pencapaian seperti berikut:

- **Pengiktirafan**

  PNM telah berjaya memperbaharui Sijil MS ISO 9001 : 2008 Sistem Pengurusan Kualiti oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd dan mengiktiraf PNM telah melaksanakan SPK yang menepati ISO 9001:2008. Secara keseluruhannya purata indeks kepuasan pelanggan PNM bagi tahun 2016 adalah 99.3%.

- **Pengurusan dan Perancangan Pelan Strategik Jabatan**

  Dalam meletakkan hala tuju PNM pada satu landasan yang tepat seiring dengan misi, visi dan Pelan Strategik Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK), PNM telah mengadakan satu Bengkel Pelan Strategik PNM 2014 – 2018 pada Disember 2016 bagi penjajaran dengan Pelan Strategik KPK 2016 – 2020.

  Pelan Strategik PNM 2014 – 2018 yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 16 objektif dan 20 pelan tindakan telah disemak semula supaya selari dengan Pelan Transformasi KPK dan PNM.

**Lima Teras Perkhidmatan Utama PNM**




KPK telah membuat keputusan untuk meneruskan Transformasi Perpustakaan Digital PNM yang dikenali sebagai Perpustakaan Digital 2.0 yang menetapkan sasaran pencapaian sebanyak 3 juta penggunaan Perpustakaan Digital. Golongan sasar adalah penjawat awam dengan objektif memberi peluang penjawat awam mengakses kepada sumber maklumat seperti jurnal-jurnal penyelidikan bagi tujuan rujukan ilmiah. Hasil dari program transformasi ini PNM telah berjaya mencapai 3,179,322 juta penggunaan perpustakaan digital. Ini merupakan satu perkembangan positif mengikut peredaran zaman yang menunjukkan trend pembacaan secara digital dapat meningkatkan taraf perkhidmatan dalam talian.

Di bawah Teras Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan, PNM telah mengorak langkah pertama bagi penjenamaan semula Perpustakaan Desa dalam projek rintis di empat (4) buah perpustakaan untuk dijadikan sebagai Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE). MyLIKE dilengkapi dengan komputer, sistem perpustakaan bersepadu, kemudahan Internet berkelajuan tinggi, aktiviti berkonsepkan edutainment, lanskap dan papan tanda (MyLIKE). Transformasi ini mengukuhkan fungsi pepustakaan desa sebagai titik sentuh dan pusat maklumat setempat kepada masyarakat selaras dengan konsep Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

- **Pengurusan Kewangan**

  Prestasi perbelanjaan PNM telah mendapat kejayaan yang baik bagi tahun 2016 di mana peratusan pencapaian perbelanjaan adalah 99.34% dan mencapai 92.32% atau kategori cemerlang bagi Prestasi Naziran SPKB Tahun 2016. Ini merupakan kejayaan kepada jabatan dalam pengurusan kewangan yang baik.

- **Pembangunan**

Pada tahun 2016 sebanyak tiga projek pembangunan perpustakaan telah berjaya disiapkan iaitu:

| NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) | TARIKH SIAP |
|---|---|---|
| Projek Pembinaan Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan | 6,348,398.78 | 12 Januari 2016 |
| Projek Pembinaan Perpustakaan Awam Negeri Pahang | 48,000,00.00 | 28 Februari 2016 |
| Projek Pembinaan 4 Perpustakaan Desa | | |
| • PD Kg. Lebu, Bentong, Pahang | 420,655.54 | 20 September 2016 |
| • PD Kg. Kuala Sentul, Maran, Pahang | 405,680.00 | 20 September 2016 |
| • PD Kg. Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak | 356,604.72 | 23 Mac 2016 |
| • PD Taman Rancangan Perumahan Awam II, Kuala Kangsar, Perak | 458,203.21 | 28 November 2016 |

- **Jaringan Pakatan Strategik di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa**

**IFLA WLIC**

PNM sentiasa merapatkan jalinan dan memperkukuhkan hubungan kerjasama dengan Negara serantau dan antarabangsa melalui program yang dianjurkan oleh badan-badan antarabangsa. Pakatan strategik ini menghubungkan PNM dengan perpustakaan lain di dunia menerusi IFLA WLIC 2016 di Columbus, Ohio USA, CONSAL di Yangoon, Mynmar, CDNL-AO di Wellington, New Zealand. Semasa di IFLA WLIC 2016, delegasi Malaysia telah membuka reruai pameran bertemakan *Libraries in Malaysia* bagi memperkenalkan dan mempromosi PNM dan KPK di persada dunia.

Pada 18 Ogos 2016, Malaysia telah di pilih sebagai tuan rumah bagi penganjuran IFLA *World Library and Information Congress* (WLIC) kali ke-84 pada tahun 2018 di Pusat Konvesyen Antarabangsa Kuala Lumpur (KLCC). Pengumuman tersebut telah diumumkan pada IFLA WLIC kali ke-82 di Ohio, Amerika Syarikat. Syabas dan sekalung tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Pembidaan IFLA WLIC 2018 dibawah kelolaan Dato' Dr. Zaiton Osman dan Jawatankuasa Kebangsaan IFLA WLIC dibawah kelolaan Dato' Nafisah Ahmad selaku Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

**INELI**

*International Network of Emerging Library Innovators* (INELI) merupakan inisiatif daripada *Bill and Melinda Gates Foundation* (BMGF). BMGF menyokong sepenuhnya peranan perpustakaan awam yang akan sentiasa relevan pada masa hadapan dengan usaha murni meningkatkan rangkaian kerjasama di antara perpustakaan awam di seluruh dunia. Projek INELI-ASEAN melibatkan 11 buah negara iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Timor Leste dan Vietnam. Projek INELI-ASEAN merupakan projek yang di adakan selama 3 tahun dan perlu melaksanakan tugasan mengikut modul secara atas talian dan projek berkumpulan.

Diperingkat kebangsaan beberapa program kerjasama telah dijalin antara PNM dan beberapa Jabatan dan organisasi secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Kem Membaca 1Malaysia merupakan program galakan membaca terbesar dibawah inisiatif Program Gerakan Tabiat Membaca yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pada tahun 2016 program ini telah diadakan di Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor.

Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati merupakan program galakan membaca yang dilaksanakan melalui NBOS antara PNM dan Jabatan Penjara Malaysia. Pada tahun 2016, program ini telah diadakan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor.

Manakala bersempena dengan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat FRIM 2016, PNM telah bekerjasama dengan FRIM untuk menjayakan aktiviti kekeluargaan yang bertemakan 'Reading in the Park' . Aktiviti ini menjurus kepada usaha menanam semangat cintakan alam sekitar dan memberi kesedaran kepentingan menjaga keharmonian ekosistem alam kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja.

Program Sukarelawan Radio ASTRO telah memilih PNM sebagai tempat menjalankan program tanggungjawab sosial korporat mereka. Seramai 80 orang ahli sukarelawan Radio ASTRO Sdn Bhd telah menyertai program ini bertempat di premis PNM. Ia melibatkan pelbagai peringkat jawatan termasuklah Ketua Eksekutif (Operasi) Radio ASTRO. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah penyusunan buku, mengecat Perpustakaan Kanak-kanak dan membuat aktiviti membaca dan permainan.

- **Perolehan Koleksi Penting**

Dalam memantapkan koleksi sumber maklumat Negara, PNM berjaya memperoleh satu koleksi peribadi yang penting iaitu Koleksi Peribadi Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Muhammad Salleh. Kepentingan koleksi tokoh ini adalah kepada nilai-nilai ketokohan pemilik koleksi, keunikan koleksi, nilai sejarah, penyelidikan dan juga kenadiran bahan tersebut. Pelbagai karya bermutu tinggi dan juga beberapa kajian mengenai teks sastera klasik Melayu telah dihasilkan sehingga beliau dikenali sebagai seorang penulis yang prolifik, tekun dan tabah dalam perjuangan menghasilkan penulisan puisi dan kritikan sastera dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Keunikan koleksi ini akan menjadi salah satu sumber rujukan penting dalam bidang kesusasteraan di Malaysia.

- **Pembangunan Modal Insan**

Program Pembangunan Modal Insan bertujuan meningkatkan kompetensi diri, kerjaya dan kecemerlangan kakitangan PNM. Sebanyak 30 kursus secara terancang telah dapat dilaksanakan iaitu 12 kursus fungsional dan 18 kursus generik. Tambahan enam (6) Program Latihan Khas iaitu Bengkel RDA (2 siri), Kursus Pembinaan Karektor melalui Penhayatan Nilai-nilai Murni, Kursus Pemantapan Perpustakaan Desa dan Kursus Asas Perpustakaan Desa telah juga dilaksanakan. Seramai 478 orang (100%) kakitangan PNM telah menghadiri kursus, bengkel, seminar dan ceramah. PNM juga berkesempatan menghantar 7 atau 8 pegawai bagi menghadiri 5 kursus, persidangan, seminar ke luar Negara.

- **Pencapaian Program Galakan Membaca**

PNM sebagai urus setia program Galakan Membaca telah melaksanakan dengan giat pelbagai program galakan membaca dan pembudayaan tulisan jawi. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 24 program galakan membaca dan Karnival Semarak Jawi@Perak dengan 5,767 orang peserta. PNM meneruskan penerbitan Rancangan Klinik Jawi musim baharu di IKIM.fm dengan sebanyak 90 episod yang bersiaran mulai 2 April 2016 hingga 30 Disember 2017. Rancangan ini diterbitkan bertujuan memperkasa tulisan jawi dalam kalangan rakyat Malaysia dengan memperkenalkan sistem ejaan jawi yang tepat melalui penyampaian yang ringkas, santai dan interaktif. Modul Klinik Jawi boleh di akses di www.pnm.gov.my

Manakala bagi Program Literasi Media dan Maklumat dengan objektif utama untuk menyebarluas kepentingan literasi maklumat kepada masyarakat amnya dan kepada kumpulan sasar khususnya, menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat bermaklumat yang berkualiti serta menaikkan imej perpustakaan sebagai ejen literasi maklumat yang terbaik. Sebanyak 62 program telah dilaksanakan dengan jumlah penyertaan seramai 5,842 orang. 14 program berkonsepkan latihan untuk jurulatih (TOT) yang terdiri daripada guru, pensyarah, pengawas pusat sumber sekolah dan kakitangan perpustakaan gunasama.

- **Bilik Penyimpanan Koleksi**

Pembinaan sembilan (9) Tingkat Rak Penyimpanan Buku di Bilik Stek PNM merupakan projek di bawah seliaan dan pemantauan JKR Malaysia secara amnya dan Bahagian Pendidikan, JKR WPKL secara khususnya selaku agensi pelaku.

Projek ini yang berkonsepkan Reka & Bina dengan jumlah 15,274 meter persegi telah dilaksanakan pada 29 September 2014 dan siap sepenuhnya pada 23 Disember 2015. Ia telah diserahkan pada 21 Januari 2016.

Keunikan projek ini adalah pembinaan 9 tingkat rak penyimpanan buku yang dibina di dalam ruangan sedia ada berketinggian 6 tingkat. Ironinya, projek ini juga merupakan projek pertama sekali yang telah dibina di Malysia.

# PERISTIWA PENTING




PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERISTIWA PENTING




Tahniah Malaysia bagi Penganjuran IFLA WLIC 2018



Ketua Pengarah PNM sedang berucap menerima watikah penganjuran IFLA WLIC 2018.



Ketua Pengarah PNM selaku Presiden PPM dan para pustakawan Malaysia meraikan penghormatan Malaysia sebagai tuan rumah IFLA WLIC ke 84 pada 18 Ogos 2016 di Ohio, Amerika Syarikat.




## KARNIVAL SEMARAK JAWI @ PERAK









## PNM RUN @50



# Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE)




PD KAMPUNG BONGKOK, KANGAR PERLIS




PD KAMPUNG PANCHING, KUANTAN PAHANG




PD KAMPUNG SUNGAI KEMBONG HILIR, BANGI



PD KAMPUNG ULU KUANG CHEMOR, PERAK




SAMBUTAN PNM@50th




PAMERAN PNM@50th




SEMINAR ASAL USUL DAN BUKTI KEINTELEKTUALAN MELAYU



PAMERAN SISTEM PEMERINTAHAN BERAJA DAN HUBUNGAN LUAR NEGARA



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SINGGAH SANTAI @PNM SEMPENA BULAN KEBANGSAAN 2016




BANGUNAN BAHARU PERPUSTAKAAN AWAM PAHANG



PENYERAHAN KUNCI BILIK PENYIMPANAN KOLEKSI PNM

# KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA

Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah dan dibantu oleh Timbalan Ketua Pengarah, Pengarah dan Ketua Bahagian. Struktur Organisasi Jabatan terbahagi kepada tiga (3) aktiviti dan sepuluh (10) sub-aktiviti yang diketuai oleh Pengarah seperti berikut:

### Aktiviti Pengurusan

- Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
- Unit Integriti
- Perkhidmatan Korporat
- Pembangunan Modal Insan
- Teknologi Maklumat

### Aktiviti Pembangunan Perpustakaan

- Prasarana Ilmu dan Maklumat
- Pembangunan Koleksi

### Aktiviti Perkhidmatan Perpustakaan

- Perkhidmatan Rujukan dan Maklumat
- Perpustakaan Cawangan dan Komuniti
- Perpustakaan Digital Negara

Di samping itu, terdapat 20 bahagian yang diketuai oleh Timbalan Pengarah sebagai ketua bahagian. Bahagian-bahagian ini menjalankan pelbagai fungsi yang berlainan ke arah mencapai objektif, visi dan misi Perpustakaan Negara Malaysia.

## Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia (BKPSM)

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia terdiri daripada empat (4) unit yang menjalankan empat (4) fungsi berikut; Pentadbiran, Perolehan dan Aset, Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan

Fungsi utama Unit Pentadbiran adalah untuk merancang dan menguruskan pentadbiran Jabatan, mengurus penyelenggaraan dan pembaikan di Jabatan, sewaan kemudahan Jabatan, memantau keselamatan bangunan milik Jabatan, menyediakan kemudahan kenderaan, pemandu dan mengendalikan urusan yang berkaitan, mengurus fail dan rekod Jabatan, serta memantau kerja-kerja kebersihan di dalam pejabat dan landskap.

Penyenggaraan bangunan dijalankan oleh syarikat Jentera Lestari Sdn. Bhd. dari bulan Oktober 2014 hingga bulan Oktober 2016. Kerja-kerja penyenggaraan bangunan meliputi semua kerja-kerja sivil, mekanikal dan elektrik. Sepanjang tahun 2016, Jabatan telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecil bangunan, penyenggaraan lif dan bangunan, pengindahan kawasan dan kerja-kerja penambahbaikan kemudahan-kemudahan untuk staf dan pengguna perpustakaan.

### Keselamatan Jabatan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia adalah sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Keselamatan Jabatan dan terdapat sembilan (9) jawatankuasa lain di bawahnya, iaitu:

- Jawatankuasa Bangunan dan Penyelenggaraan
- Jawatankuasa Keselamatan ICT
- Jawatankuasa Pertolongan Cemas
- Jawatankuasa Bertindak Kecemasan
- Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Extra Space (Pusat Penyerahan Terbitan Negara)
- Jawatankuasa TASKA PNM
- Jawatankuasa Keselamatan Koleksi
- Jawatankuasa Penyelaras Bangunan Wisma Sejarah
- Jawatankuasa Kantin

Selain itu, PNM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) selaras dengan keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Jawatankuasa ini berperanan dalam memenuhi keperluan keselamatan dan kesihatan setiap pekerja yang bertugas di dalam premis PNM.

### Perolehan dan Aset

Unit Aset dan Perolehan pula berfungsi dalam menguruskan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja melalui Tatacara Perolehan Kerajaan seperti Tender, Sebut Harga, Rundingan Terus dan Pembelian Terus. Unit ini juga menguruskan aset alih Jabatan meliputi proses penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira serta merancang dan mengurus bekalan stor pejabat dan menyelaras dan menyediakan Laporan Tahunan Aset dan Stor Jabatan melalui penubuhan jawatankuasa pelantikan pegawai berhubung tugas pengurusan aset & stor di setiap bahagian.

Sepanjang tahun 2016, RM8,733,581.54 perolehan telah dilaksanakan yang melibatkan sebanyak empat (4) perolehan secara tender dan dua belas (12) perolehan perkhidmatan secara sebut harga.

## Unit Pengurusan Sumber Manusia

Sepanjang tahun 2016, PNM diluluskan waran perjawatan sebanyak 516 jawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan yang juga melibatkan perjawatan di Perbadanan Perpustakaan Awam Perlis (PPAN) seperti berikut:

- Kumpulan Pengurusan Tertinggi : 2 jawatan
- Kumpulan Pengurusan & Profesional : 147 jawatan
- Kumpulan Sokongan : 3 jawatan

**Jumlah : 516 Jawatan**

Ketua Pengarah Perpustakaan Negara merupakan Ketua Perkhidmatan kepada lima (5) skim Perkhidmatan seperti berikut:

- Pustakawan : 131 jawatan
- Penolong Pustakawan: 51 jawatan
- Pembantu Pustakawan : 148 jawatan
- Pembantu Operasi; dan : 64 jawatan
- Pemandu Kenderaan : 13 jawatan

Manakala skim perkhidmatan lain merupakan jawatan kader dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Jabatan Kerja Raya (JKR), Arkib Negara Malaysia (ANM), Jabatan Perangkaan Malaysia, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyiaran Malaysia.

Unit Pengurusan Sumber Manusia dipertanggungjawabkan mengurus semua perkara yang berkaitan dengan urusan perkhidmatan seperti pengambilan, pelantikan, pengesahan perkhidmatan, penempatan, pertukaran, kenaikan pangkat, pengurusan HRMIS, emolumen, urusan persaraan dan sebagainya. Unit Pengurusan Sumber Manusia juga selaku urus setia akan merancang dan menguruskan mesyuarat serta perbincangan di kalangan Pengurusan Tertinggi PNM bagi mendapatkan cadangan keperluan jawatan bagi tujuan perancangan keperluan tenaga manusia secara optimum untuk Jabatan melalui proses penstrukturan semula perjawatan PNM.

PNM juga bertanggungjawab mengurus urusan pelantikan dan pengisian jawatan Pustakawan, Penolong Pustakawan dan Pembantu Pustakawan di agensi-agensi yang mengguna pakai jawatan kader Perpustakaan Negara Malaysia. Selaku Ketua Perkhidmatan bagi ketiga-tiga skim perkhidmatan ini, PNM juga bertanggungjawab dalam urusan pertukaran, penempatan dan kenaikan pangkat anggota-anggotanya yang ditempatkan mengisi jawatan kader di agensi-agensi.

Selain itu juga, selaras dengan menggalakkan masyarakat yang berilmu dan memberikan perkhidmatan ilmu sepanjang hayat di mana jua, sebanyak 510 Perpustakaan Desa (PD) dan Perpustakaan Komuniti (PK) di bawah pengurusan PNM yang diwujudkan melalui projek khas yang diluluskan oleh kerajaan bermula pada tahun 2005. Sebagai pusat sosial yang memanfaatkan masyarakat setempat di kawasan luar bandar, pelbagai koleksi dan jenis bahan bacaan, alat kelengkapan komputer bagi mengikut keperluan dan teknologi semasa dan ruang serta perabot yang bersesuaian untuk kegunaan masyarakat setempat disediakan. Malah, selaras dengan penubuhan PD dan PK tersebut juga, peluang pekerjaan juga dapat diperoleh oleh rakyat iaitu dengan penstrukturan perjawatan yang telah diluluskan dan dilaksanakan iaitu secara *Contract of Service* selama setahun bagi mengendalikan PD di seluruh negara. Skim perjawatan berdasarkan waran perjawatan melibatkan tiga (3) skim adalah seperti berikut :

- 142 jawatan Penolong Pustakawan Gred S29 yang bertugas untuk menyelia mengikut zon PD seluruh negara;
- 516 jawatan Pembantu Pustakawan Gred S19; dan
- 516 jawatan Pembantu Operasi Gred N11.

Kedudukan perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Perjawatan Kader, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Komuniti sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

**Kedudukan Perjawatan Perpustakaan Negara Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, Perjawatan Kader, Perpustakaan Desa Dan Perpustakaan Komuniti**

| BIL. | JAWATAN | PNM & PPAN PERLIS | | | KADER | | | PERPUSTAKAAN DESA & KOMUNITI (KON) | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | JUM | ISI | KSG | JUM | ISI | KSG | JUM | ISI | KSG |
| | **PENGURUSAN TERTINGGI** | | | | | | | | | |
| 1 | Ketua Pengarah, Pustakawan Gred Utama B | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 2 | Timb. Ketua Pengarah, Pustakawan Gred Utama C | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| | **JUMLAH PENGURUSAN TERTINGGI** | 2 | 2 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | | | | | | | | | |
| 3 | Pustakawan Gred S54 | 6 | 6 | 0 | 1 | 1 | 0 | - | - | - |
| 4 | Pustakawan Gred S52 | 2 | 1 | 1 | 3 | 3 | 0 | - | - | - |
| 5 | Pustakawan Gred S48/S52 | 8 | 7 | 1 | 1 | 1 | 0 | - | - | - |
| 6 | Pustakawan Gred S48 | 10 | 9 | 1 | 9 | 9 | 0 | - | - | - |
| 7 | Pustakawan Gred S44 | 16 | 15 | 1 | 30 | 29 | 1 | - | - | - |
| 8 | Pustakawan Gred S41/S44 | 89 | 78 | 11 | 137 | 125 | 12 | - | - | - |
| 9 | Jawatan Kumpulan, Pustakawan S41/S44/S48 | 5 | 1 | 4 | - | - | - | - | - | - |
| 10 | Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M54 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 11 | Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 12 | Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M44 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 13 | Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41/M44 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 14 | Akauntan Gred W41/W44 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 15 | Pegawai Penerangan S41/S44 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 17 | Pegawai Teknologi Maklumat F48/F52 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 18 | Pegawai Teknologi Maklumat F44 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 19 | Pegawai Teknologi Maklumat F41/F44 | 3 | 3 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| | **JUMLAH PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | **147** | **124** | **23** | **181** | **168** | **13** | - | - | - |
| | **KUMPULAN PELAKSANA I** | | | | | | | | | |
| 20 | Penolong Pustakawan Gred S38 | 5 | 5 | 0 | 2 | 2 | 0 | - | - | - |
| 21 | Penolong Pustakawan Gred S32 | 11 | 8 | 3 | 20 | 19 | 1 | - | - | - |
| 22 | Penolong Pustakawan Gred S29 | 35 | 27 | 8 | 186 | 174 | 12 | 142 | 130 | 12 |
| 23 | Pembantu Pustakawan Gred S26 | 8 | 5 | 3 | 2 | 1 | 1 | - | - | - |
| 24 | Pembantu Pustakawan Gred S22 | 23 | 22 | 1 | 75 | 69 | 6 | - | - | - |
| 25 | Pembantu Pustakawan Gred S19/S22 | 117 | 111 | 6 | 871 | 821 | 50 | 516 | 473 | 43 |
| 26 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F32 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 27 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 | 5 | 5 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 28 | Penolong Akauntan Gred W29W32 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 29 | Pembantu Akauntan Gred W22 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 30 | Pembantu Akauntan Gred W19/W22 | 5 | 5 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 31 | Penolong Pegawai Tadbir Gred N32 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 32 | Penolong Pegawai Tadbir Gred N32/N36 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 33 | Penolong Pegawai Tadbir Gred N29/N32 | 3 | 3 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 34 | Penolong Pegawai Perangkaan Gred E32 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 35 | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 | 2 | 1 | 1 | - | - | - | - | - | - |
| 36 | Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22 | 20 | 20 | 0 | - | - | - | - | - | - |

| | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 37 | Setiausaha Pejabat Gred N36 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 38 | Setiausaha Pejabat Gred /N32 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 39 | Setiausaha Pejabat Gred N19/N22 | 7 | 5 | 2 | - | - | - | - | - | - |
| 40 | Pembantu Tadbir (Kew) Gred W19/W22 | 7 | 7 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 41 | Penolong Jurutera Gred JA36 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 42 | Penolong Jurutera Gred JA29/30 | 2 | 2 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 43 | Juruteknik Komputer FT19 | 3 | 3 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 44 | Jurufotografi B19 | 3 | 3 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 45 | Pereka B19 | 1 | 1 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 46 | Pembantu Pemuliharaan Gred S26 | 1 | 0 | 1 | - | - | - | - | - | - |
| 47 | Pembantu Pemuliharaan Gred S22 | 2 | 2 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 48 | Pembantu Pemuliharaan Gred S19 | 18 | 11 | 7 | - | - | - | - | - | - |
| 49 | Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N19 | 3 | 2 | 1 | - | - | - | - | - | - |
| | **JUMLAH KUMPULAN PELAKSANA I** | **290** | **256** | **34** | **1156** | **1086** | **70** | **1174** | **1057** | **125** |
| | **KUMPULAN PELAKSANA II** | | | | | | | | | |
| 50 | Pembantu Operasi N14 | 7 | 7 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| 51 | Pembantu Operasi N11/N14 | 57 | 52 | 5 | - | - | - | 516 | 446 | 70 |
| 52 | Pemandu Gred H11/H14 | 13 | 13 | 0 | - | - | - | - | - | - |
| | **JUMLAH KUMPULAN PELAKSANA II** | **77** | **72** | **5** | **-** | **-** | **-** | **516** | **446** | **70** |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **516** | **454** | **62** | **1337** | **1254** | **83** | **1174** | **1057** | **125** |

Petunjuk:

| | |
|---|---|
| (petak kuning) | Skim Di Bawah Ketua Pengarah PNM Sebagai Ketua Perkhidmatan |
| JUM | Jumlah Perjawatan |
| ISI | Bilangan Pengisian |
| KSG | Bilangan Kekosongan |
| KON | Pegawai Kontrak (Contract of Service) |

Jabatan sentiasa menghargai perkhidmatan yang telah diberikan oleh semua penjawat awam atas jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan kepada pegawai yang berkhidmat dengan Jabatan melalui penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC). Majlis APC merupakan penghargaan Jabatan kepada Anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang yang mana mutu dan penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Sehubungan itu, Unit ini selaku urus setia Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM akan menguruskan mesyuarat tersebut di setiap awal tahun bagi proses pemilihan calon Anugerah Perkhidmatan Cemerlang PNM.

Selain itu juga, Jabatan juga menghargai jasa pegawai yang menunjukkan dedikasi dan mutu kerja yang cemerlang tetapi tidak dicalonkan sebagai penerima APC dengan menganugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC) kepada pegawai yang terlibat. Tambahan itu, Panel Pembangunan Sumber Manusia PNM juga akan memberikan cadangan kursus yang bersesuaian kepada kakitangan yang tidak mencapai produktiviti yang sewajarnya.

## Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2016

| Bil. | Nama Pegawai | Gred | Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1 | Katrun Nada Binti Haji Hashim | S48 | Bahagian Gerakan Literasi Maklumat |
| 2 | Muhammad Redzuan Bin Ramli | S41 | Bahagian Sumber Elektronik |
| 3 | Hazlifah Binti Zaidi | S41 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 4 | Azfaradila Binti Zainal Abidin | S41 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 5 | Anis Binti Omar | S41 | Pusat Bibiliografi Negara |
| 6 | Siti Suhana Binti Adnan | S41 | Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa |
| 7 | Nurul Hazwani Binti Rosli | S41 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 8 | Za'imatul Ahlam Binti Talhah | S41 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 9 | Aznita Binti Abu Bakar | E32 | Bahagian Penyelidikan |
| 10 | Quah Chun Hong | S32 | Pusat Bibiliografi Negara |
| 11 | Norazlan Bin Norden | F29 | Bahagian Teknologi Maklumat |
| 12 | Abdul Rahman Bin Abdul Rahim | S29 | Bahagian Sumber Elektronik |
| 13 | Norzehan Binti Razali | S29 | Bahagian Pengurusan Projek Digital |
| 14 | Wan Noor Aishah Binti Wan | S29 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 15 | Ramaperbah A/P Chandran | S29 | Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan |
| 16 | Rusiah Binti Awang | S26 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 17 | Maznah Binti Marjunid @ Ismail | S22 | Bahagian Pembangunan Modal Insan |
| 18 | Norhana Binti Osman | S22 | Bahagian Pembangunan Perpustakaan Desa |
| 19 | Noraziah Binti Abu Kasim | S22 | Bahagian Pemuliharaan |
| 20 | Mohd Jefry Bin Ishak | S22 | Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan |
| 21 | Mugunthan A/L Krishnan | N19 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 22 | Siti Hajar Binti Rahim | N19 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 23 | Norazila Binti Abd Aziz | N19 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 24 | Mohd Firdaus Bin Mat Desa | S19 | Bahagian Pemuliharaan |
| 25 | Azwani Binti Mohamed | S19 | Bahagian Kandungan Digital |
| 26 | Norida Binti Abas @ Abdullah | S19 | Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu |
| 27 | Norhasliza Binti Md Salleh | S19 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 28 | Sarrah Noorema Binti Sukri | S19 | Bahagian Pinjaman |
| 29 | Noria Binti Anyut | S19 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 30 | Ety Adlene Binti Ab Kadir | S19 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 31 | Elsie Seep | S19 | Pusat Bibiliografi Negara |
| 32 | Wan Sulina Binti Wan Deraman | S19 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 33 | Mohamed Paudzi Bin Ismail | N14 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 34 | Nor'aini Binti Nawi | N14 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 35 | Roslan Bin Dohat | H11 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 36 | Syed Mohd Nasir Bin Syed Zulkifli | N11 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 37 | Nurul Hasni Binti Osman | N11 | Bahagian Pinjaman |
| 38 | Mohd Adzrul Bin Zulkifli | H11 | Pejabat Ketua Pengarah |
| 39 | Shahabudin Bin Zahari (Kontrak) | N11 | Bahagian Pinjaman |

## Senarai Penerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang (SPC) Perpustakaan Negara Malaysia Tahun 2016

| Bil. | Nama Pegawai | Gred | Bahagian |
|---|---|---|---|
| 1 | Rosham Bin Abdul Shukor | S54 | Pengarah Prasarana Ilmu Dan Maklumat |
| 2 | Siti Aishah Binti Sh.Ab.Kadir | S54 | Pengarah Perkhidmatan Korporat |
| 3 | Harleeza Binti Abu Husin | S52 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 4 | Nor O'baidah Binti Abidin | S52 | Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan |
| 5 | Mohamad Rizal Bin Abdullah | M48 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 6 | Aidatul Hasnida Binti Abdul Rani | S48 | Bahagian Sumber Elektronik |
| 7 | Ali Bin Rashid | S48 | Bahagian Pinjaman |
| 8 | Anisatul-Wahidah Binti Abdul Wahid | S48 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 9 | Mohd Azmi Bin Aziz | S48 | Bahagian Pembangunan Dan Perpustakaan Desa |
| 10 | Noorazreen Idayu Binti Kamarozzaman | M44 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 11 | Ima Eryanty Binti Abdul Manaf | S44 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 12 | Noraini Binti Ya'cub | S44 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 13 | Siti Manoriah Binti Saleh | S44 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 14 | Siti Suzani Binti Mohamed Taib | S44 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 15 | Sofia Binti Osman | S44 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 16 | Suriati Binti Ein | S44 | Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu |
| 17 | Machita Binti Othman | S41 | Perpustakaan Negara Negeri Perlis |
| 18 | Marsila Binti Ahmad | S41 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 19 | Noor Hazwani Binti Warrmal | S41 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 20 | Noridah Binti Mohd Noor | N36 | Pejabat Ketua Pengarah |
| 21 | Zakaria Bin Deros | N32 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 22 | Mohd Tarmizi Bin Wahab | S32 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 23 | Siti Kalsum Binti Ibrahim | S32 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 24 | Siti Shafarah Binti Shamsudin | S32 | Bahagian Sumber Elektronik |
| 25 | Aizat Bin Ismail | N29 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 26 | Hazanita Binti Muin | N29 | Perkhidmatan Rujukan Dan Maklumat |
| 27 | Mohd Irwan Bin Ismail | N29 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 28 | Haizatul Afni Binti Bakhtiar | S29 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 29 | Maulidiah Binti Abd Rahman | S29 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 30 | Mohd Azman Bin Ali | S29 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 31 | Zairina Binti Hashim | S29 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 32 | Noorfadzilah Binti Kadar Bawa | W29 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 33 | Ibrahim Bin Sabtu | S26 | Bahagian Gerakan Literasi Maklumat |
| 34 | Thalathiah Binti Awang | S26 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 35 | Rodziah Binti Che Omar | B22 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 36 | Khadibah Binti Misdi | N22 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 37 | Dahlan Bin Ismail | S22 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 38 | Hazurita Binti Totor | S22 | Bahagian Pinjaman |
| 39 | Mohammad Hafazah Bin Mohd Azraai | S22 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 40 | Norazah Binti Mohd Room | S22 | Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu |
| 41 | Norliar Binti Mohamed Salleh | S22 | Pusat Bibiliografi Negara |
| 42 | Patimah Binti Abd Rahman | S22 | Bahagian Pinjaman |
| 43 | Wan Salbiah Binti Mohd Khalil | S22 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 44 | Mazni Binti Mansor | S22 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 45 | Suhaili Binti Dollah @ Sulaiman | S22 | Bahagian Komunikasi Korporat |
| 46 | Saiful Effendi Bin Suamai | S22 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 47 | Yasmin Binti Zulkepeli | S22 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 48 | Nor Rasidah Binti Baharudin | S22 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 49 | Suzila Binti Ramli | S22 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 50 | Suriatie Binti Ahmad Kasin | S22 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 51 | Aida Binti Aripin | S22 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 52 | Suzeanita Zilla Binti Darolakhiar | S22 | Bahagian Pinjaman |
| 53 | Ramzahirah Binti Ramli | S22 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 54 | Muhamad Khairi Bin Ja'afar | B19 | Bahagian Sumber Elektronik |
| 55 | Faridah Binti Mohd Salleh | N19 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 56 | Hayati Binti Othman | N19 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 57 | Salsabil Binti Azmi | N19 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |
| 58 | Farrah Diba Binti Mohd Ishak | S19 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 59 | Beatrice Carolina Lim | S19 | Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa |
| 60 | Khuraisah Binti Ibrahim | S19 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 61 | Nurain Binti Mohd Kamil | S19 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 62 | Azril Hisham Bin Abu Bakar | S19 | Pusat Bibiliografi Negara |
| 63 | Ahmad Zaki Bin Zakaria | S19 | Bahagian Pinjaman |
| 64 | Nor Azira Binti Ismail | S19 | Bahagian Pinjaman |
| 65 | Norshaira Binti Mat Nawi | W19 | Bahagian Khidmat Pengurusan Dan Sumber Manusia |
| 66 | Faridah Binti Hashim | N14 | Pusat Rujukan Malaysiana Dan Luar Negara |
| 67 | Nor Haniz @ Nor Haniza Binti Othman | N14 | Bahagian Pinjaman |
| 68 | Ahmad Firdaus Bin Mat Rais | N11 | Bahagian Pembinaan Koleksi |
| 69 | Marshila Binti Mohamed Yusof | N11 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 70 | Muhamad Suhaizan Bin Abdullah | N11 | Bahagian Pembangunan Modal Insan |
| 71 | Muhammad Ashaari Bin Md Noor | N11 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 72 | Rohisham Bin Mansor | N11 | Pusat Penyerahan Terbitan Negara |
| 73 | Wan Norasmizan Bin Wan Jaafar | H11 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis (Kontrak) |
| 74 | Zairul Azwan Bin Omar | N11 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis |

## Kewangan

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan sebuah Jabatan Persekutuan dan Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) adalah Pegawai Pengawal. Pada tahun 2016, PNM telah menerima peruntukan wang berjumlah RM50,427,945.00 bagi belanja mengurus. PNM telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM49,499,716.78 dengan peratus perbelanjaan 99%. Peruntukan ini diagihkan kepada bahagian-bahagian dan Pengarah Aktiviti dan Ketua Bahagian bertanggungjawab bagi mengurus peruntukan tersebut dengan dikawal selia oleh Ketua Aktiviti, Ketua Program dan Pegawai Pengawal. Perpustakaan Negara Malaysia juga mempunyai satu Akaun Kumpulan Wang Perpustakaan Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 (Akta 80) (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006). Selain daripada itu, PNM juga mempunyai satu (1) Akaun Amanah iaitu Akaun Amanah Perpustakaan Negara Malaysia.

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Pembangunan Modal Insan (BPMI), bertanggungjawab dalam mengendalikan Program Pembangunan Modal Insan yang merangkumi kursus, bengkel, ceramah, seminar dan peperiksaan untuk meningkatkan kompetensi diri, kerjaya dan kecemerlangan kakitangan PNM. Program yang dirancang adalah khusus untuk kakitangan PNM. Walau bagaimanapun penyertaan juga terbuka kepada anggota Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan (PGP), Badan Berkanun, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta.

### Objektif Kualiti Latihan

Memberi latihan yang sesuai kepada kakitangan sekurang-kurangnya 3 hari setahun berdasarkan surat Ketua Setiausaha KPK bertarikh 13 Julai 2016 berkaitan galakkan menghadiri sekurang-kurangnya 3 hari berkursus setahun bagi warga kerja KPK dan agensi dibawahnya.

### Pelaksanaan Program Latihan

Maklumat berkaitan program latihan boleh didapati daripada Portal Rasmi PNM di ruangan Pengumuman. Maklumat tersebut sentiasa dikemaskini mengikut keperluan semasa. Permohonan program latihan boleh dibuat secara dalam talian dengan mengisi Borang Permohonan Latihan yang disediakan. Lazimnya Program Latihan yang ditawarkan adalah terbuka untuk warga PNM dan juga agensi luar mengikut kumpulan sasaran yang telah ditetapkan. Tawaran menghadiri Program Latihan adalah berdasarkan permohonan yang di terima. Pada tahun 2016, BPMI telah diperuntukkan sejumlah RM355,000.00 bawah Pecahan Kepala (PK) 29000. Sehingga November 2016, sebanyak 30 program latihan telah dilaksanakan mengikut pecahan berikut:

### Kursus Terancang Anjuran Jabatan

Sebanyak 30 kursus terancang telah berjaya dilaksanakan. Kursus tersebut adalah terdiri daripada 12 kursus fungsional dan 18 kursus generik. Seramai 748 warga PNM yang terlibat dengan kursus-kursus ini.

### Kursus Anjuran Luar Jabatan

Jabatan telah menghantar seramai 209 orang menyertai 41 kursus, seminar, ceramah di luar jabatan.

### Kursus Luar Negara

Jabatan telah menghantar 7 pegawai PNM bagi menghadiri 5 kursus, persidangan dan seminar ke luar negara.

### Kursus Khas

Sehingga November 2016, BPMI telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan **enam (6) kursus** khas di dalam dan luar premis jabatan. Antaranya ialah :

| Bil. | Kursus | Tarikh | Jumlah Peserta |
|---|---|---|---|
| 1. | Bengkel RDA siri 1 | 7 - 10 mac | 28 Orang |
| 2. | Bengkel RDA siri 2 | 23 - 26 Mei | 28 Orang |
| 3. | Kursus Pembinaan Karektor Melalui Penghayatan Nilai-nilai Murni Perpustakaan Negara Malaysia | 19 - 21 Ogos | 80 Orang |
| 4. | Bengkel RDA siri 3 | 22 - 25 Ogos | 19 Orang |
| 5. | Kursus Asas Perpustakaan Desa | 24 - 30 Sept | 60 Orang |
| 6. | Kursus Pemantapan Perpustakaan Desa | 4 - 10 Nov | 60 Orang |

## Pencapaian Kehadiran Latihan

| Gred/ Kumpulan | Bilangan Anggota | Bilangan Anggota yang hadir > 3 hari | % | Bilangan Anggota yang hadir < 3 hari | % | Bilangan Anggota yang tidak berkursus | % |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| JUSA | 2 | 2 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 41-54 | 134 | 134 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 17-38 | 269 | 269 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 1-16 | 73 | 73 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **478** | **478** | **100** | **0** | **0** | **0** | **0** |

Berdasarkan jadual diatas didapati peratusan kehadiran latihan kakitangan PNM yang melebihi 3 hari adalah 100% atau 478 orang. Merujuk kepada jadual diatas juga, didapati gred JUSA telah mencapai 100% kehadiran 3 hari berkursus. Bagi kumpulan Pengurusan & Profesional pencapaian bagi kehadiran melebihi 3 hari berkursus adalah 100% (134 orang).

Seterusnya bagi kumpulan pelaksana gred 17-38 juga telah mencapai 100% (269 orang) 3 hari berkursus. Bagi kumpulan pelaksana gred 1-16 pula, seramai 73 orang telah mencukupi 3 hari berkursus.

## Program Penempatan Pelajar Praktikal

Bagi tahun 2016, seramai 12 pelajar telah menjalani latihan praktikal di bahagian-bahagian yang terdapat di PNM. Antaranya ialah:

| BIL. | NAMA | PUSAT PENGAJIAN / UNIVERSITI / KOLEJ | DI TEMPATKAN | TARIKH | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Nur Aliaa Amanina Bt Mohd<br>Nor Husna Bt Mohd Bakri | UiTM Kedah | Semua Bahagian PNM | 1 Februari 2016 Hingga 30 Jun 2016 | 2 Orang |
| 2. | Rosshakiza Bt Rosli | Universiti Malaysia Kelantan | Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu/ Bah.Pemuliharaan | 15 Feb 2016 Hingga 31 Mei 2016 | 1 Orang |
| 3. | Nur Mudzalifah Bt Ab.Rashid | Universiti Tun Hussein Malaysia (Uthm) | BTM | 22 Feb 2016 Hingga 12 Jun 2016 | 1 Orang |
| 4. | Nursaidatina Bt Amran | UiTM Kelantan | Semua Bahagian PNM | 1 Feb Hingga 30 Jun 2016 | 1 Orang |
| 5. | Tansila Bt Sulaimi | Kolej Poly-Tech Mara | BKK | 11 Jan Hingga 6 Mei 2016 | 1 Orang |
| 6. | Ahmad Ashraf Bin Ahmad Rosli | UiTM Kelantan | Semua Bahagian PNM | 1 Feb Hingga 30 Jun 2016 | 1 Orang |
| 7. | Akmal Shahmeen Bin Ahamad Sabarudin<br>Nurain Binti Mohd Fariq Subramaniam | UiTM Puncak Perdana | Semua Bahagian PNM | 1 Feb Hingga 30 Jun 2016 | 2 Orang |
| 8. | Nik Sarah Nabila Binti Nik Amirudin | UiTM Puncak Perdana | Semua Bahagian PNM | 1 Feb Hingga 30 Jun 2016 | 1 Orang |
| 9. | Wan Nurul Syahida Bt Wan Kamaruddin Mukri | UiTM Puncak Perdana | Semua Bahagian PNM | 1 Feb Hingga 30 Jun 2016 | 1 Orang |
| 10. | Fatin Nurairina Bt Mohd Faizil | Kolej Poly-Tech Mara | BKK | 18 Januari Hingga 13 Mei 2016 | 1 Orang |

## Program Rasmi Ke Luar Negara

Bagi tahun 2016, seramai 7 pegawai telah menghadiri mesyuarat, bengkel/kursus dan persidangan di luar negara. Diantaranya ialah:

| Bil. | NAMA PERSIDANGAN | TARIKH | NAMA PENGAWAI |
|---|---|---|---|
| 1. | Training Workshop: Bibliographic Cataloguing Rules using RDA Standards | 29 Januari - 3 Februari 2016 | i. Puan Siti Manoriah Saleh |
| 2. | The Conference Of Directors Of National Libraries In Asia And Oceania (CDNLAO), Wellington, New Zealand dan Lawatan ke Malaysian Resources Centre, Wellington, New Zealand | 6 - 12 Mac 2016 | i. Puan Nafisah bt Ahmad,<br>ii. Puan Chin Loy Jyoon |
| 3. | 17th Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) Executive Board Meeting, Myanmar | 27 - 29 April 2016 | i. Puan Maizan bt Ismail |
| 4. | IFLA World Library And Information Congress: 82nd IFLA General Conference And Assembly, Columbus, Ohio | 13-19 Ogos 2016 | i. Puan Nafisah bt Ahmad,<br>ii. Puan Chin Loy Jyoon |
| 5. | 2nd Convening of INELI-ASEAN | 6 - 9 September | i. Encik Mohd Azmi bin Aziz<br>ii. Puan Siti Suhana bt Adnan |
| 6. | Training Project 2016 For Asean Children's Librarians, Korea Selatan | 7 - 23 November 2016 | i. Puan Akmal Fardhiana bt Muhamad |

Secara amnya BPMI, telah melaksanakan program latihan yang telah dirancang bagi memastikan semua kakitangan PNM berjaya menghadiri sekurang-kurangnya 3 hari berkursus dalam setahun.

BPMI juga akan sentiasa terus merancang dan melaksanakan latihan yang bersesuaian dari semasa ke semasa agar dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi kakitangan PNM dan seterusnya bagi merealisasikan visi dan misi PNM sebagai sebuah organisasi yang cemerlang sebagai peneraju utama perpustakaan di Malaysia.

# PERKHIDMATAN KORPORAT



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERKHIDMATAN KORPORAT

Aktiviti Perkhidmatan Korporat meliputi tiga (3) bahagian utama iaitu Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, Bahagian Komunikasi Korporat dan Bahagian Gerakan Literasi Maklumat.

### Fungsi Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa

- Merancang dan menyelaras mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Penasihat PNM dan Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan
- Menyelaras Pelan Strategik Jabatan dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI ) Jabatan
- Menyelaras Hal-ehwal Akta dan Dasar berkaitan bidang perpustakaan dan maklumat
- Menyelaras hal-ehwal Parlimen, Kertas Jemaah Menteri, Nota Makluman dan Memorandum Perjanjian Persefahaman (MOU)
- Menjadi urus setia Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Jabatan dengan berpandukan MS ISO 9001:2008
- Menjalin hubungan strategik Jabatan di dalam dan luar negara berkaitan bidang kepustakawanan dan perpustakaan

### Fungsi Bahagian Komunikasi Korporat

- Merancang dan menyelaras publisiti dan promosi aktiviti Jabatan
- Mengendali program Pendidikan Pengguna lawatan dalam negara
- Merancang dan mengurus Terbitan Jabatan
- Merancang dan mengurus Pameran Jabatan
- Mengendali dan menyelaras Program Hari Bertemu Pelanggan dan Maklum Balas Pelanggan
- Mempromosi keahlian PNM

### Fungsi Bahagian Gerakan Literasi Maklumat

- Merancang dan menyelaras pengurusan acara Jabatan
- Menjadi urus setia Program Galakan Membaca Kebangsaan
- Merancang dan menyelaras Program Literasi Maklumat dan Media
- Mempromosi pembudayaan tulisan Jawi Kebangsaan

## BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

### Pengurusan Kualiti

MS ISO 9001 : 2008

Setelah 16 tahun PNM melaksanakan pengurusan kualiti Jabatan menerusi MS ISO 9001 : 2008 pelbagai kemajuan dan kecemerlangan perkhidmatan terutama perkhidmatan kaunter telah dicapai dan dapat dilestarikan sistem pengurusan kualiti jabatan yang cemerlang. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berjaya memperbaharui Sijil ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti pada 16 Mac 2016 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dan telah mengiktiraf PNM melaksanakan SPK yang menepati ISO 9001:2008. Secara keseluruhannya, purata indeks kepuasan pelanggan PNM bagi tahun 2016 adalah 99.3%, meningkat 0.3% dibandingkan dengan tahun 2015.

### Penerapan Budaya Kreativiti dan Inovasi

Dalam menggalakkan budaya kreativiti dan inovatif di kalangan warga kerja, Sebelas (11) Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah berjaya ditubuhkan pada tahun 2016.

1. Kumpulan : DigiTech
   Tajuk Projek : Kesukaran Membuat Penyusunan Semula Bahan Sumber Elektronik
2. Kumpulan : Gemilang
   Tajuk Projek : Penyediaan Maklumat Secara Berkesan Melalui Pempakejan Maklumat
3. Kumpulan : D'Apex
   Tajuk Projek : Menambahbaik Sistem Manual Pergerakan Fail
4. Kumpulan : Einstein's Knights
   Tajuk Projek : Mentrasformasi Penyusunan Bahan Terbitan Bersiri di Koleksi Negara
5. Kumpulan : Digital Work
   Tajuk Projek : Penambahan Ruang Simpanan Koleksi Digital
6. Kumpulan : Transformers
   Tajuk Projek : Meningkatkan Pengurusan Sistem Tempahan Kenderaan Jabatan
7. Kumpulan : KILAT
   Tajuk Projek : Mengesan Surat/Memo Yang Perlu Di Ambil Tindakan

8. Kumpulan : Angkatan Semut Merah
Tajuk Projek : Kesukaran Mendapatkan Peserta Kursus

9. Kumpulan : JDI
Tajuk Projek : Carian Lokasi Perkhidmatan PNM

10. Kumpulan : Fotoshare
Tajuk Projek : Penyimpanan Foto Menggunakan Portal Vshare

11. Kumpulan : INFINITI
Tajuk Projek : LibStik : Transformasi Perangkaan Perpustakaan 1Malaysia

## Mesyuarat Pengurusan Jabatan

Sebanyak 10 mesyuarat Pengurusan Jabatan telah diadakan sepanjang tahun 2016.

## Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia

Antara fungsi Ahli Lembaga Penasihat adalah untuk memberi nasihat berhubung dengan perkembangan dan kemajuan utama PNM. Ketua Setiausaha KPK adalah ex-oficio dalam keanggotaan Ahli Lembaga Penasihat PNM. Sebanyak dua kali Mesyuarat telah diadakan sepanjang 2016 iaitu mesyuarat Bil.1/2016 pada 5 April 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 15, PNM manakala mesyuarat Bil.2/2016 telah diadakan pada 8-9 Ogos 2016 bertempat di Hotel Le Meredien, Kota Kinabalu, Sabah.



Ahli Lembaga Penasihat PNM bergambar kenangan bersama Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah serta kakitangan di Perpustakaan Awam Cawangan, Kota Belud, Sabah

# PENGURUSAN STRATEGIK JABATAN

## Pelan Strategik PNM

Pelan Strategik merupakan dokumen yang penting untuk menentukan hala tuju dan fokus Jabatan. Dokumen ini dijadikan sebagai bahan rujukan untuk menetapkan sasaran kerja dan KPI Jabatan. Dalam meletakkan hala tuju PNM pada satu landasan yang tepat seiring dengan misi, visi dan Pelan Strategik KPK, PNM telah mengadakan satu bengkel Pelan Strategik PNM 2014 – 2018 pada Disember 2016 untuk membuat penjajaran dengan Pelan Strategik KPK 2016 - 2020.

Pelan Strategik PNM 2014 – 2018 yang menggariskan lima (5) teras perkhidmatan utama, 16 objektif dan 20 pelan tindakan telah disemak semula supaya selari dengan Pelan Transformasi PNM dan KPK, OBB Jabatan serta KPI Jabatan.

# JARINGAN PAKATAN STRATEGIK DIPERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

## Peringkat Antarabangsa

### International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) World Library Information Congress (IFLA WLIC)

Ketua Pengarah dan seorang pegawai kanan PNM telah menyertai *International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) World Library Information Congress (IFLA WLIC)* dan *Conference of Directors of National Libraries (CDNL)* di Columbus, Ohio USA pada 13-19 Ogos 2016. Delegasi Malaysia terdiri daripada PNM dan Perpustakaan Awam Negeri telah sama-sama membuka reruai pameran bagi memperkenal dan mempromosi PNM dan KPK di persada dunia.




Reruai Malaysia semasa Persidangan IFLA WLIC 2016, 13-19 Ogos 2016 di Columbus Ohio, USA

## Congress of Southeast Asian Librarians Meeting and General Conference (CONSAL)

Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia telah menghadiri *Congress of Southeast Asian Librarians Meeting and General Conference* (CONSAL) sebagai pembentang kertas kerja pada 27-30 Julai 2016 di Yangoon, Myanmar.

## Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania Annual Meeting

Ketua Pengarah bersama seorang pegawai kanan PNM telah menghadiri *Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania Annual meeting* pada 8-11 Mac 2016 di Perpustakaan Negara New Zealand, Wellington New Zealand.

## Peringkat Kebangsaan

### Perjanjian Persefahaman (MoU) Antara Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Dan Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Perjanjian persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh Dato' Nafisah binti Ahmad manakala MARA telah diwakili oleh YBhg Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA. Majlis ini telah diadakan pada 1 Disember 2016 di Perpustakaan Negara Malaysia. Perjanjian persefahaman ini sebagai usaha ke arah mewujudkan perkhidmatan maklumat yang berkualiti dan berkesan dalam melahirkan tenaga mahir yang kompeten dan berdaya saing.




Ketua Pengarah PNM dan Ketua Pengarah MARA sedang menandatangani perjanjian persefahaman diantara PNM dengan MARA sambil disaksikan oleh SUB KPK dan Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan MARA.





Ketua Pengarah PNM dan Ketua Pengarah MARA sedang menandatangani *mock* perjanjian persefahaman diantara PNM dengan MARA.

# BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

## Keahlian PNM

Sepanjang tahun 2016, PNM telah menerima dan memproses keahlian baharu seramai **17,525** orang. Jumlah keahlian kumulatif PNM sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai **1,276,485** orang.

## Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan merupakan satu pendekatan yang dilaksanakan bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM kepada orang ramai. Selain itu, ia juga memberi peluang kepada pengunjung serta orang ramai untuk bersemuka secara terus bagi berbincang dan bertukar pandangan disamping mendapatkan maklum balas daripada orang ramai bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan PNM.

Empat (4) program Hari Bertemu Pelanggan telah berjaya dilaksanakan di dalam dan di luar Jabatan. Sebanyak 136 maklum balas telah diterima dan antara maklum balas yang disarankan adalah untuk pertambahbaikan pengurusan, perkhidmatan dan kualiti perpustakaan.

## Maklum Balas Pelanggan

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 116 maklum balas telah diterima daripada 108 orang. Kategori maklum balas adalah seperti berikut:




Maklum balas merangkumi perkhidmatan, koleksi, kemudahan dan keselamatan bangunan dan kemudahan dan keselamatan ICT. Kesemua aduan bagi tahun 2016 telah dapat diselesaikan dalam tempoh 15 hari waktu bekerja.

## Kemudahan Auditorium, Bilik Serbaguna PNM

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 12 permohonan penyewaan Auditorium dan Bilik Serbaguna PNM telah diterima dari agensi kerajaan dan swasta. Tempahan kemudahan di PNM adalah mengikut kadar seperti di bawah:




**Kadar Sewaan Kemudahan PNM**

# BAHAGIAN GERAKAN LITERASI MAKLUMAT

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA

### Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) 2016

Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) 2016 telah diadakan pada 4 – 6 April 2016 bertempat di Johor Bahru, Johor. Majlis pelancaran program telah diadakan pada 4 April 2016 di Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor dan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Khairil bin Haji Awang, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mewakili YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

Sempena program ini, satu Bengkel Literasi Media dan Maklumat telah diadakan kepada para pelajar sekolah menengah terpilih sekitar Johor Bahru, Johor pada 4 – 5 April 2017. Bengkel ini disertai seramai 283 orang pelajar yang telah diadakan secara serentak di 4 buah sekolah.

### Jom Baca Bersama 10 Minit

Program Jom Baca Bersama 10 Minit telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh Perpustakaan Awam Negeri, institusi pendidikan – universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan NGO pada 25 April 2016 pada jam 11.00 – 11.10 pagi.

Majlis Pelancaran Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diadakan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia dan telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Hajah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada 23 April setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta.

Program ini merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca. Ia merupakan sokongan semua perpustakaan di Malaysia bersama-sama pihak kerajaan meningkat tabiat atau budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

### #MalaysiaNgaji

Program #MalaysiaNgaji dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Negara, institusi masjid, institusi pendidikan – universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan NGO pada 29 Jun 2016 bersamaan 24 Ramadan 1437 pada jam 12.00 – 1.00 tengahari.

Program #MalaysiaNgaji merupakan langkah membentuk perilaku masyarakat agar amalan membaca Al-Quran diterapkan dan membentuk akhlak yang mulia serta modal insan di dalam diri semua insan. Ia juga secara tidak langsung meningkatkan usaha mendekatkan Al-Quran dalam kalangan masyarakat dengan konsep membaca Al-Quran, mendalami maksud dan bertadabbur. Mengikut statistik yang dikumpulkan, seramai 740,145 orang telah menyertai program #MalaysiaNgaji.

### Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati 2016

Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati merupakan program galakan membaca yang dilaksanakan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) antara PNM dan Jabatan Penjara Malaysia. Program ini telah bermula pada tahun 2010 di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dan diteruskan lagi pada tahun ini di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Haji Hassan bin Sakimon, Timbalan Ketua Pengarah Penjara Malaysia (Keselamatan & Koreksinal)

Program ini diadakan bagi memberi peluang kepada mereka yang menghuni institusi pemulihan untuk mendapat akses kepada bahan bacaan seterusnya membantu mereka untuk melihat dunia yang lebih luas melalui aktiviti pembacaan di sebalik tirai besi. Seramai 400 tetamu jemputan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Integriti Muar, pelajar-pelajar sekolah berdekatan di Daerah Muar dan guru-guru Perpustakaan dan Media sekitar daerah Muar telah menyertai program ini.

## Karnival Semarak Jawi@Perak 2016

Bagi meneruskan legasi pembudayaan tulisan jawi di Malaysia, Karnival Semarak Jawi mula dilaksanakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2011 melalui kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seterusnya melalui kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (2012), Perpustakaan Awam Negeri Kedah (2014) dan Politeknik Port Dickson pada tahun 2015.





Pada tahun 2016, Perpustakaan Negara Malaysia telah bekerjasama dengan Perpustakaan Awam Negeri Perak menganjurkan Karnival Semarak Jawi@Perak 2016. Program ini telah diadakan pada 14 – 15 Oktober 2016 bertempat di Perpustakaan Awam Negeri Perak. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak.

Seramai 5,767 orang peserta dan pengunjung telah hadir ke program ini. Mereka terdiri daripada pelajar taska/tadika, sekolah rendah, sekolah menengah, institut pengajian tinggi awam dan swasta, penjawat awam (guru, pensyarah, agensi/jabatan pelbagai bidang), penggiat jawi dan khat, penerbit buku dan orang awam pelbagai bangsa.




Jom Baca Bersama 10 minit

# PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN DAN PERPUSTAKAAN DESA

### Pembangunan Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan prasarana perpustakaan awam di seluruh negara. Ianya bertujuan untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan masyarakat dan membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dengan kemudahan akses kepada sumber ilmu serta maklumat melalui infrastruktur yang terancang. Tahun 2016 merupakan tahun pertama dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dimana PNM telah berjaya menyiapkan 3 projek sambungan bawah RMKe-10 seperti berikut:

i. Projek Pembinaan Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan
ii. Projek Pembinaan Perpustakaan Awam Negeri Pahang
iii. Projek Pembinaan 4 buah Perpustakaan Desa (MyLike)

### Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Perpustakaan Awam Negeri

PNM sebagai peneraju pembangunan prasarana perpustakaan awam turut mengadakan Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan Perpustakaan Awam Negeri yang melibatkan 14 buah Perpustakaan Awam Negeri bagi memastikan pembangunan dan pencapaian perkhidmatan perpustakaan di seluruh Malaysia dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Objektif mesyuarat ini adalah untuk membincangkan:

i. Pembangunan perpustakaan awam desa di negeri-negeri
ii. Prestasi perbelanjaan Belanja Mengurus sumbangan kerajaan Persekutuan kepada PAN dan Program Khusus Perpustakaan Desa
iii. Prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan perpustakaan dalam Rancangan Malaysia yang sedang berjalan
iv. Perancangan hala tuju perkhidmatan perpustakaan awam di peringkat kebangsaan bersama-sama Perpustakaan Awam Negeri.

Pada tahun 2016, sebanyak dua (2) mesyuarat ini telah diadakan iaitu pada 25 Jun 2016 di Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor dan pada 10 November 2016 di Bilik Mesyuarat Lembaga, Aras 15, Menara Perpustakaan Negara Malaysia.



# PERPUSTAKAAN DESA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Sejak tahun 2005 hingga 2016, sebanyak 506 buah PD PNM telah beroperasi di seluruh Malaysia dibawah Peruntukan Khas Belanja Mengurus Kerajaan Persekutuan dan diurus tadbir oleh PNM dengan kerjasama Perpustakaan Awam Negeri seperti di **Jadual 1**.




**Jadual 1 : Ringkasan Jumlah PD PNM**

## Perjawatan Perpustakaan Desa

Perjawatan di PD PNM adalah terdiri daripada Penyelia (Penolong Pustakawan, Gred S29) yang akan menyelia 2 hingga 7 buah PD, Pembantu Pustakawan (Gred S19) dan Pembantu Operasi (Gred N11). Sehingga Disember 2016, sebanyak 1,039 perjawatan PD PNM di seluruh Malaysia telah diisi yang melibatkan seramai 129 orang Penyelia (Penolong Pustakawan, Gred S29), 467 orang Pembantu Pustakawan (Gred S19) dan 443 orang Pembantu Operasi (Gred N11). Pelantikan perjawatan bagi ketiga-tiga perjawatan adalah dibuat secara kontrak perkhidmatan (*Contract of Service*).

## Statistik Pengunjung Perpustakaan Desa

Pada tahun 2016, PD PNM telah dikunjungi seramai 2.36 juta pengunjung berbanding pada tahun 2015 yang hanya 2.17 juta pengunjung. Penyertaaan khalayak pada tahun 2016 juga menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu meningkat seramai 1.03 juta orang yang menyertai program/aktiviti yang diadakan di PD PNM seluruh Malaysia berbanding pada tahun 2015 yang hanya 686,581 orang menyertai program/aktiviti di PD PNM seluruh Malaysia. Statistik ini menunjukkan bahawa PD PNM merupakan pusat maklumat yang memberi faedah kepada rakyat dalam meningkatkan Literasi Maklumat kepada masyarakat luar bandar. Meningkatkan celik komputer dan merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Sekaligus meningkatkan produktiviti dan pembangunan sosial dan ekonomi setempat.

## Laman Ilmu Komuniti (MyLike)

Pelan Strategik PNM (2014 – 2018) telah meletakkan salah satu Teras Ketiga: Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan adalah penjenamaan semula PD PNM kepada Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE). Penjenamaan semula PD PNM kepada Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE) adalah bertujuan untuk meningkatkan peranan perpustakaan desa, infrastruktur dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Pada tahun 2016, PNM telah memulakan langkah pertama penjenamaan semula PD dalam Projek Rintis di empat (4) buah perpustakaan untuk dijadikan sebagai Laman Ilmu Komuniti (MyLIKE) iaitu:

(i) MyLIKE Kg. Panching, Kuantan, Pahang
(ii) MyLIKE Kg. Ulu Kuang, Chemor, Perak
(iii) MyLIKE Kg. Bongkok, Kangar, Perlis
(iv) MyLIKE Kg. Sg. Kembong Hilir, Kajang, Selangor

# BAHAGIAN KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN

## Khidmat Nasihat

Pada tahun 2016, sebanyak 39 buah perpustakaan telah menerima khidmat nasihat berkaitan pentadbiran dan pengurusan perpustakaan mengikut standard yang telah ditetapkan. Khidmat Nasihat ini diberikan mengikut jadual yang dirancang atau berdasarkan keperluan di luar jangkaan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan Senarai perpustakaan yang terlibat adalah seperti berikut:

## Lawatan Khidmat Nasihat Tahun 2016

| BIL. | TEMPAT |
|---|---|
| 1. | Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya |
| 2. | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Putrajaya |
| 3. | Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Putrajaya |
| 4. | Hospital Serdang, Selangor |
| 5. | Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya |
| 6. | Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya |
| 7. | Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), K.L |
| 8. | Institut Perakaunan Negara (IPN), Selangor |
| 9. | Institut Latihan Perindustrian Perai, P.Pinang |
| 10. | Mahkamah Sesyen Butterworth, P.Pinang |
| 11. | Hospital Taiping, Perak |
| 12. | Jabatan Warisan Negara, K.L |
| 13. | Memorial Tunku Abdul Rahman, K.L |
| 14. | Mahkamah Sesyen Seremban, N. Sembilan |
| 15. | Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan, N. Sembilan |
| 16. | Kolej Pembantu Perubatan Seremban, N.Sembilan |
| 17. | Akademi Kastam Malaysia, Melaka |
| 18. | IPG Kampus Perempuan Melayu, Melaka |
| 19. | Politeknik Melaka |
| 20. | Hospital Melaka |
| 21. | Kolej Komuniti Ampang, Selangor |
| 22. | Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), Kajang, Selangor |
| 23. | Bahagian Latihan Perhutanan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kepong, Selangor |
| 24. | Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Kuala Lumpur |
| 25. | Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| 26. | Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN), Kuala Lumpur |
| 27. | Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Putrajaya |
| 28. | Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan Sungai Buloh, Selangor |
| 29. | Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Putrajaya |
| 30. | Hospital Putrajaya |
| 31. | Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur |
| 32. | IPG Kampus Dato Razali Ismail, Terengganu |
| 33. | Politeknik Kuala Terengganu |
| 34. | Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Putrajaya |
| 35. | BTPN Selangor, Shah Alam, Selangor |
| 36. | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, K.L |
| 37. | Rohingya Education Centre, Klang |
| 38. | Pusat Sitasi Malaysia, Putrajaya |
| 39. | Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Putrajaya |

## Khidmat Perundingan

Khidmat Perundingan juga diberikan kepada kepada pihak luar seperti perpustakaan badan berkanun, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu berdasarkan kepada permohonan yang diterima oleh PNM. Khidmat Perundingan ini bertujuan untuk merancang sama ada pembinaan infrastruktur, pengisian koleksi, struktur perjawatan atau jenis perkhidmatan perpustakaan yang diperlukan. Sebanyak 3 buah perpustakaan telah menerima khidmat perundingan pada tahun 2016 iaitu:

### Lawatan Khidmat Perundingan

| TAHUN | JUMLAH | SENARAI |
|---|---|---|
| 2016 | 3 | • Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Putrajaya<br>• Marlvern International Academy, Kuala Lumpur<br>• Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur |

## Perpustakaan Khusus Gunasama

Sebanyak 536 buah Perpustakaan Khusus Gunasama yang terdapat di Kementerian/ Jabatan/Institusi kerajaan dibawah Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan daripada PNM. Koleksi di Perpustakaan Khusus Gunasama adalah bersifat spesifik dan perpustakaan ini diketuai oleh pegawai kader pelbagai gred daripada Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan berdasarkan saiz perpustakaan berkenaan. Jumlah Perpustakaan yang menggunakan Skim Perkhidmatan Gunasama adalah seperti berikut:

### Perpustakaan Khusus Gunasama

| KLUSTER | PERPUSTAKAAN KHUSUS GUNASAMA |
|---|---|
| Perpustakaan di Kementerian/ Jabatan Persekutuan | 129 |
| Perpustakaan Akademik (Politeknik/IPG/Kolej Matrikulasi) | 141 |
| Perpustakaan Institut Latihan | 96 |
| Perpustakaan Perundangan/Kehakiman | 26 |
| Perpustakaan Perubatan (Hospital/Kolej Kejururawatan/ Institusi Kesihatan) | 88 |
| Perpustakaan Polis / Tentera | 60 |
| **JUMLAH** | **540** |

### Statistik Perjawatan Perpustakaan Khusus Gunasama

Sehingga tahun 2016, sebanyak 1,334 perjawatan bagi Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan di 540 buah Perpustakaan Khusus Gunasama di seluruh Malaysia. Statistik perjawatan bagi Skim Perkhidmatan Gunasama Perpustakaan adalah seperti berikut:

### Statistik Perjawatan Perpustakaan Khusus Gunasama

| GRED | BIL. PERJAWATAN |
|---|---|
| S54 | 1 |
| S52 | 3 |
| S48 | 10 |
| S44 | 30 |
| S41 | 138 |
| S38 | 2 |
| S32 | 20 |
| S27 | 187 |
| S26 | 2 |
| S22 | 87 |
| S17 | 854 |
| **JUMLAH** | **1,334** |

## Mesyuarat Dan Aktiviti

Sepanjang tahun 2016, PNM telah mengadakan 3 mesyuarat untuk memastikan pembangunan, perkhidmatan serta profesion kepustakawanan dapat dipertingkatkan di seluruh negara. Senarai mesyuarat adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | TARIKH | TEMPAT | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2016 | 02-03 Ogos 2016 | Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari, PNM | 111 orang |
| 2. | Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pelaksana Zon Utara 2016 | 26-28 Oktober 2016 | Kinta RiverFront Hotel & Suite, Ipoh, Perak | 80 orang |
| 3. | Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pelaksana Zon Tengah 2016 | 22-23 November 2016 | Auditorium, Aras 2, PNM | 185 orang |



**Para pegawai yang menghadiri Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pengurusan dan Profesional 2016 pada 02-03 Ogos 2016 di Perpustakaan Negara Malaysia**




**Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pelaksana Zon Utara 2016 yang telah berlangsung pada 26-28 Oktober 2016 di Ipoh, Perak**



**Mesyuarat Pengurusan Perpustakaan Gunasama Kumpulan Pelaksana Zon Tengah 2016 yang telah berlangsung pada 22-23 November 2016 di Perpustakaan Negara Malaysia.**

# BAHAGIAN PENYELIDIKAN

## Pelaksanaan Kajian

Sebanyak empat (4) kajian telah dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), dua (2) daripadanya dengan kerjasama juru perunding luar, dan dua (2) kajian dilaksanakan secara dalaman. Kajian-kajian berkenaan adalah Kajian Kompetensi Pustakawan di Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Khusus Gunasama di Malaysia 2016; Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Katalog Induk Kebangsaan; Kajian Impak Penggunaan Pangkalan Data Perpustakaan Digital PNM 2016 dan Kajian Kumpulan Fokus PNM 2016. Kajian Temu bual Kumpulan Fokus Pengguna PNM 2016




| BIL. | NAMA KAJIAN | BILANGAN RESPONDEN | JURU PERUNDING |
|---|---|---|---|
| 1. | Kajian Kompetensi Pustakawan di Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Khusus Gunasama di Malaysia 2016 | **225 orang**<br>• 105 Pustakawan PNM<br>• 120 Pustakawan Perpustakaan Khusus Gunasama | Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kampus Cawangan Puncak Perdana, Shah Alam Selangor |
| 2. | Kajian Keberkesanan Perkhidmatan Katalog Induk Kebangsaan (KIK) | **140 orang**<br>• 128 ahli konsortium KIK PNM<br>• 12 Pustakawan ditemu bual secara kumpulan fokus | Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kampus Cawangan Merbok, Sungai Petani, Kedah |
| 3. | Kajian Impak Penggunaan Pangkalan Data Perpustakaan Digital PNM 2016 | 322 orang di kalangan ahli PNM Digital berdaftar | Secara dalaman |
| 4. | Kajian Temu bual Kumpulan Fokus Pengguna PNM 2016 | 34 pengguna PNM | Secara dalaman |

# STATISTIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## PERANGKAAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016

| PARAMETER PERKHIDMATAN | SIRI TAHUN | | |
|---|---|---|---|
| | 2014 | 2015 | 2016 |
| **1. KEAHLIAN FIZIKAL DAN MAYA** | **71,672** | **79,883** | **98,491** |
| **1.1 KEAHLIAN FIZIKAL** | **58,491** | **49,326** | **19,960** |
| 1.1.1 Kanak-Kanak | 5,892 | 3,937 | 4,321 |
| 1.1.2 Dewasa | 52,599 | 45,389 | 15,639 |
| **1.2 KEAHLIAN PNM u-PUSTAKA** | **5,913** | **16,439** | **59,457** |
| 1.2.1 Kanak-Kanak | 263 | 1,091 | 3,593 |
| 1.2.2 Dewasa | 5,650 | 15,348 | 55,864 |
| **1.3 KEAHLIAN PNM DIGITAL** | **7,268** | **14,118** | **19,074** |
| **2. PENGUNJUNG** | **414,797** | **392,446** | **398,769** |
| 2.1 Kanak-Kanak | 65,284 | 64,781 | 60,241 |
| 2.2 Dewasa | 349,513 | 327,665 | 338,528 |
| **3. BAHAN DIPINJAM** | **870,455** | **352,573** | **420,737** |
| 3.1 Pinjaman Berpusat | 783,958 | 236,134 | 257,730 |
| 3.2 Pinjaman Berkelompok | 84,101 | 114,778 | 160,709 |
| 3.3 Sistem Pembekalan Penerbitan (SPP) | 532 | 212 | 797 |
| 3.4 Pinjaman Melalui Perkhidmatan u-Pustaka | 1,064 | 683 | 838 |
| 3.5 Pinjaman Oleh Kakitangan PNM | 880 | 766 | 663 |
| **4. PENGGUNA PERKHIDMATAN** | **343,231** | **330,107** | **326,797** |
| 4.1 Rujukan Maklumat Malaysiana | 147,305 | 161,903 | 158,945 |
| 4.2 Rujukan Maklumat Luar Negara | 69,847 | 65,025 | 70,916 |
| 4.3 Sumber Elektronik | 58,021 | 49,517 | 48,514 |
| 4.4 Manuskrip Melayu | 157 | 222 | 291 |
| 4.5 Pinjaman | 67,901 | 53,440 | 48,131 |
| **5. BAHAN DIRUJUK** | **1,040,725** | **473,573** | **463,094** |
| 5.1 Koleksi Rujukan Malaysiana | 136,267 | 135,021 | 106,200 |
| 5.2 Koleksi Rujukan Luar Negara | 87,223 | 82,656 | 82,228 |
| 5.3 Koleksi Rujukan Sumber Elektronik | 32,210 | 18,224 | 15,008 |
| 5.4 Koleksi Rujukan Manuskrip Melayu | 1,067 | 1,538 | 1,928 |
| 5.5 Koleksi Pinjaman | 783,958 | 236,134 | 257,730 |

| PARAMETER PERKHIDMATAN | SIRI TAHUN | | |
|---|---|---|---|
| | 2014 | 2015 | 2016 |
| **6. PEROLEHAN KOLEKSI** | **264,345** | **236,517** | **239,437** |
| 6.1 Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 | 194,744 | 187,851 | 208,170 |
| 6.2 Pembelian | 66,354 | 43,885 | 22,448 |
| 6.3 Hadiah & Pertukaran | 3,247 | 4,137 | 6,004 |
| 6.4 Bahan DiDigitalkan | 594 | 644 | 2,815 |
| **7. PENGGUNAAN DALAM TALIAN** | **6,838,697** | **8,687,930** | **8,426,128** |
| 7.1 Pangkalan Data PNM Digital | 3,346,180 | 4,121,638 | 3,176,538 |
| 7.2 OPAC | 1,601,672 | 1,646,002 | 2,102,988 |
| 7.3 Katalog Induk Kebangsaan | 783,848 | 1,205,915 | 745,387 |
| 7.4 Portal PNM Digital | 234,283 | 310,096 | 801,339 |
| 7.5 Portal u-Pustaka | 108,437 | 246,833 | 125,089 |
| 7.6 Laman Web | 577,525 | 231,596 | 261,996 |
| 7.7 Portal Inisiatif Digital | 4,991 | 3,346 | 2,129 |
| 7.8 Pendaftaran Keahlian | 15,283 | 34,221 | 19,029 |
| 7.9 Manuskrip Melayu Pusaka | 4,767 | 552 | 779 |
| 7.10 Maklum balas | 25 | 68 | 19 |
| 7.11 Permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan | 75 | 37 | 95 |
| 7.12 Pertanyaan Rujukan | 214 | 53 | 253 |
| 7.13 e-Media | 101 | 80 | 113 |
| 7.14 Repositori Dspace | 161,296 | 887,493 | 1,190,374 |

Nota:

1. Keahlian perkhidmatan merujuk kepada keahlian fizikal, u-Pustaka dan PNM Digital
2. Paparan data bahan dipinjam secara fizikal sahaja
3. Paparan data bahan dirujuk untuk fizikal sahaja

Pencapaian statistik perkhidmatan Perpustakaan Negara Malaysia pada tahun 2016 mencatatkan peningkatan parameter keahlian; pengunjung; bahan dipinjam, bahan dirujuk dan perolehan koleksi. Walau bagaimanapun terdapat penurunan pada parameter pengguna perkhidmatan dan penggunaan perkhidmatan dalam talian. Analisis setiap parameter ditunjukkan pada diagram dan graf di bawah dengan mengambil kira data perbandingan tempoh 3 tahun iaitu 2014-2016.

## KEAHLIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016







## PENGUNJUNG PREMIS PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016






## PENGGUNA PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016




TAHUN
2014 → 2015

TAHUN
2015 → 2016

## BAHAN DIRUJUK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016






8.6%

TAHUN
2014 → 2015

95.0%

TAHUN
2015 → 2016

## PENGGUNAAN PERKHIDMATAN DALAM TALIAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016




## PEROLEHAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 2014-2016









# PEMBINAAN KOLEKSI

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PEMBINAAN KOLEKSI

## PUSAT PENYERAHAN TERBITAN NEGARA

### Penerimaan bahan di Bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 19,592 judul (91,883 naskhah) bahan-bahan telah diterima di bawah Akta 331 dan didaftarkan. Bahan yang diterima terdiri daripada 17,477 judul (85,479 naskhah) monograf, 505 judul (2,056 naskhah) terbitan bersiri 40 judul (164 unit poster/carta), 412 judul (1,977 unit) bahan bercetak lain dan 1,158 judul (2,207 unit) sumber elektronik. Bahan yang terkumpul sehingga kini (1966-2016) adalah sebanyak 300,879 judul.

| BIL. | PERKARA | KEKERAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Lawatan promosi Akta 331 | 35 kali |
| 2. | Pengesanan bahan di Pesta / Ekspo / Karnival Buku | 8 kali |
| 3. | Taklimat dan Promosi Akta 331 | 10 kali |
| 4. | Pengesanan bahan mengikut zon.<br>Zon 1 : Perak dan Pulau Pinang<br>Zon 2 : Perlis dan Kedah | 2 Zon |

Aktiviti Taklimat /Promosi Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

## PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA

### Pendokumentasian

### Monograf

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 18,003 judul (34,685 naskhah) judul bahan monograf meliputi pelbagai disiplin ilmu terbitan dalam negara yang diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan sebanyak 14,710 judul telah dikatalog untuk dihantar ke perkhidmatan Malaysiana sebagai bahan rujukan. Manakala sebanyak 3,985 judul bahan monograf untuk rujukan dan pinjaman telah dikatalog melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 1,963 judul bahan Malaysiana dan 2,022 judul bahan bukan Malaysiana.

### Indeks

Sebanyak 5,839 entri kertas kerja daripada persidangan dan seminar yang diadakan di Malaysia telah diindeks dan dimasukkan ke dalam pangkalan data dalam talian.

### Terbitan Bersiri

Sebanyak 478 judul terbitan bersiri telah dikatalog iaitu 507 judul (348 naskhah) judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 1,265 judul melalui proses perolehan. Bahan ini terdiri daripada 719 judul bahan Malaysiana dan 546 judul bahan bukan Malaysiana. Sebanyak 3,003 artikel indeks yang penting telah dikesan dan boleh diakses dalam talian.

### Sumber Elektronik

Sebanyak 1,245 judul bahan sumber elektronik telah dikatalog iaitu 1,163 judul (1,277 naskhah) judul diterima di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) dan 563 judul melalui proses perolehan. Daripada judul yang dipilih melalui proses perolehan ini, 196 judul terdiri dari bahan Malaysiana dan 367 judul terbitan daripada bahan bukan Malaysiana.

### Perkhidmatan Kepada Penerbit (PKP)

| PERKHIDMATAN | | PENCAPAIAN |
|---|---|---|
| (a) | Pengkatalogan-dalam-Peberbitan (PDP) | - 6,131 judul data (judul baru terbitan Malaysia)<br>- 144 penerbit baru (20 kerajaan, 67 bukan kerajaan dan 57 individu) |
| (b) | International Standard Book Number (ISBN) | - 22,640 nombor ISBN telah dikeluarkan<br>- 751 penerbit baru<br>(30 kerajaan, 512 bukan kerajaan dan 209 individu) |
| (c) | International Standard Serial Number (ISSN) | - 273 nombor ISSN telah dikeluarkan |

## BAHAGIAN PEMBINAAN KOLEKSI

Dalam usaha memperkukuhkan koleksi perpustakaan, Perpustakaan Negara Malaysia terus mempergiat program perolehan sumber perpustakaan di bawah penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331), pembelian, hadiah dan pertukaran. Sehingga Disember 2016, jumlah kumulatif koleksi Perpustakaan Negara Malaysia adalah 520,960 unit. Sumber perpustakaan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2016 di bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) adalah sebanyak 208,170 unit, melalui pembelian 483,294 unit dan melalui hadiah dan pertukaran sebanyak 37,666 unit.

### Perolehan Bahan Bacaan Perpustakaan Desa

Di samping perolehan untuk Perpustakaan Negara Malaysia, perolehan juga dilaksanakan untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia. Pada tahun 2016, sebanyak 6,645,782 naskhah bahan bacaan yang meliputi pelbagai disiplin ilmu telah diperolehi untuk Perpustakaan Desa di seluruh Malaysia.

## BAHAGIAN PEMULIHARAAN

Dalam menjaga keaslian bentuk fizikal bahan perpustakaan, pihak Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan reprografi khusus bagi bahan manuskrip Melayu, bahan-bahan nadir Malaysiana dan terbitan bersiri. Satu langkah tambahan telah diambil dengan membuat kerja-kerja memikrofilem beberapa surat khabar tempatan, manuskrip Melayu dan bahan nadir yang ada dalam simpanan perpustakaan. Tujuan memikrofilem bahan-bahan tersebut adalah untuk menjamin keaslian terhadap bahan-bahan yang sedia ada daripada mengalami kerosakan akibat penggunaan yang kerap oleh para pengguna perpustakaan. Apabila bahan-bahan telah dimikrofilem, para pengguna boleh merujuk bahan-bahan tersebut tanpa sebarang halangan. Aktiviti pemuliharaan termasuk kerja-kerja penyenggaraan terhadap koleksi perpustakaan, kerja-kerja menjilid buku, kertas seminar, bahan terbitan bersiri dan pemuliharaan koleksi manuskrip Melayu, koleksi peribadi dan bahan nadir.

### Aktiviti Pemuliharaan

- Pembaikan manuskrip Melayu

  Kebanyakan bahan manuskrip Melayu yang diterima adalah dalam keadaan yang sangat uzur fizikalnya Perkara ini terjadi disebabkan oleh tiada kaedah penyimpanan yang rapi oleh pemilik bahan-bahan tersebut. Bagi menjaga dan menyelamatkan bahan ini terus musnah, kerja-kerja pemeliharaan perlu dibuat. Sehingga Disember 2016, sebanyak 3,919 naskhah manuskrip Melayu telah dibuat pewasapan. Tujuan kerja-kerja ini dibuat adalah untuk melindungi bahan-bahan ini dari makhluk perosak dan ditumbuhi kulat. Daripada jumlah ini sebanyak 1,360 helaian telah dibuat pembaikan dengan menggunakan teknik pembaikan tisu.

- Pemuliharaan Bahan Nadir

  Dalam tahun 2016, sebanyak 1,360 helaian bahan-bahan ini telah dibuat pemuliharaan dan pembaikan. Bahan yang telah dibaik pulih ini dijilid dalam 135 jilidan.

Walaupun dunia sekarang ini melangkaui era teknologi digital dan terus berkembang pesat, namun aktiviti reprografi turut berkembang seiring dengan teknologi terkini. Teknologi mikrografi merupakan satu teknik mengubah format bahan bercetak ke format mikrofilem. Teknik ini masih digunakan kerana ianya dapat memanjangkan hayat sesuatu bahan itu sehingga seratus (100) tahun lamanya.

Pada tahun 2016, sebanyak 408 torak mikrofilem telah dihasilkan. Dari jumlah ini sebanyak 240 torak mikrofilem terdiri dari manuskrip Melayu dan 68 judul surat khabar. Pelbagai aktiviti juga diadakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan. Sebanyak 12 aktiviti pemuliharaan di bawah Program Perpustakaan Negara Malaysia telah dilaksanakan antaranya program Singgah Santai @ PNM di Perpustakaan Negara Malaysia pada Februari, April, Jun, Ogos, Oktober dan Disember 2016, Demo dan membuat buku sendiri "Bersama Doktor Buku" sempena Program Jom Baca Bersama 10 minit, pada 25 April 2016 dan lain-lain lagi. Dengan mengadakan aktiviti-aktiviti sebegini, masyarakat khususnya diberi pendedahan tentang kepentingan penjagaan bahan-bahan bercetak.



Demo dan membuat buku sendiri "Bersama Doktor Buku"
sempena Program Jom Baca Bersama 10 minit pada 25 April 2016



Singgah santai@PNM di Perpustakaan Negara Malaysia "Bersama Doktor Buku - Buat Buku Sendiri"

# PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT

## PUSAT RUJUKAN MALAYSIANA DAN LUAR NEGARA

Salah satu peranan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ialah menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan. Justeru, Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) bertanggungjawab bagi menyediakan perkhidmatan rujukan dan perujukan Koleksi Malaysiana dan Koleksi Luar Negara kepada pengguna.

Koleksi Malaysiana boleh dirujuk dari aras 6 hingga 10, Menara PNM yang meliputi Terbitan Bersiri dan Surat Khabar Malaysiana di Aras 6, Monograf Malaysiana di Aras 7, Folio Malaysiana di Aras 8, Terbitan Kerajaan dan Warta Kerajaan di Aras 9 dan Koleksi Khas di Aras 10. Manakala Koleksi Luar Negara boleh dirujuk dari Aras 3 hingga 4, Anjung Bestari, PNM.

Pada tahun 2016, seramai 158,945 pembaca merujuk kepada 106,200 koleksi Malaysiana (Jadual I).

**Jadual I**




**Jadual II**



Manakala bagi koleksi luar negara, seramai 70,916 pembaca merujuk kepada 82,228 koleksi Luar Negara (Jadual II). Sejumlah 3,722 pertanyaan arah tunjuk serta 1,636 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab sejumlah 937 permohonan Sistem Pembekalan Penerbitan diterima dan 10,162 pertanyaan arah tunjuk serta 20,566 pertanyaan rujukan ringkas diterima dan dijawab.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertanggungjawab dalam pemeliharaan koleksi warisan intelek negara. Justeru, Bilik Penyimpanan Koleksi Perpustakaan telah dibina di Menara PNM yang siap sepenuhnya pada 12 Januari 2016. Bilik penyimpanan ini berkonsep akses tertutup (*closed access*) dan terdiri dari 9 lapisan tingkat iaitu bermula dari Aras 6 sehingga Aras 11, Menara PNM. Bilik penyimpanan ini menempatkan secara purata sebanyak 710,000 Koleksi Malaysiana seperti yang berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Aras 6 | - | Koleksi Surat Khabar |
| Aras 6A | - | Koleksi Majalah dan Jurnal |
| Aras 7A | - | Koleksi Monograf/Buku |
| Aras 8 | - | Koleksi Monograf/Buku |
| Aras 8A | - | Koleksi Monograf/Buku |
| Aras 9A | - | Koleksi Monograf (Folio) |
| Aras 10 | - | Koleksi Warta Kerajaan dan Akta |
| | - | Koleksi Monograf Kanak-kanak |
| Aras 10A | - | Koleksi Terbitan Kerajaan |
| | - | Koleksi Monograf Kanak-kanak |
| Aras 11A | - | Koleksi Khas |

Bagi mempromosi koleksi serta perkhidmatan rujukan Malaysiana dan Luar Negara, pelbagai aktiviti dan program keilmuan telah diadakan sepanjang tahun 2016. Aktiviti dan program yang dijalankan adalah seperti di Jadual III :



Bilik Penyimpanan Koleksi di Aras 7A

### Jadual III: Program dan Aktiviti Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara

| BIL. | TARIKH | PROGRAM/ PAMERAN | TEMPAT |
|---|---|---|---|
| 1. | 28 Mac – 30 Jun 2016 | Pameran Khazanah Warisan Negara | Ruang Pameran, Aras 1, Anjung Bestari PNM |
| 2. | 14 Mei 2016 | Pameran dan Pengendalian Eksperimen Saintis Muda sempena Program Singgah Santai@PNM | Perkarangan PNM |
| 3. | 20 Julai – 20 Ogos 2016 | Pameran Kesihatan Anda 'Sedar, Kenal dan Cegah' | |
| 4. | 21 Julai 2016 | Bicara Isu Semasa *"Nightmares of Peadophilia"* | Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM |
| 5. | 24 Ogos 2016 | Bicara Merdeka : Nurani Tanah Melayu | Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM |
| 6. | 15-16 Oktober 2016 | Bengkel 'Mari Belajar Bahasa Melayu" untuk Peserta Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) | Bilik Syarahan, Aras 5, Anjung Bestari, PNM |
| 7. | 22 Oktober 2016 | Ceramah Kesedaran Virus Zika sempena Program Singgah Santai@PNM | Bilik Serbaguna, Aras 1, Anjung Bestari, PNM |
| 8. | 24 Oktober 2016 | Program dan Bengkel Bicara Berirama | Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM |
| 9. | 5 November 2016 | Majlis Pelancaran Novel Mikayla dan Bicara Santai Novel "The Unsung Hero" dan "The One" VAT 69 Komando | Ruang Santai, Aras 1, Anjung Bestari PNM |
| 10. | 16 Disember 2016 | Bicara Havard : *Sustainable Future Through Education* | Auditorium, Aras 2, Anjung Bestari, PNM |

## PROGRAM KEMERDEKAAN: BICARA MERDEKA : NURANI TANAH MELAYU



Bicara Merdeka oleh Sasterawan Negara
Prof. Dr. Muhammad Haji Salleh

Sesi soal jawab oleh peserta Bicara Merdeka



## BENGKEL MARI BELAJAR BAHASA MELAYU BERSAMA PESERTA PROGRAM MM2H



Puan Faridah A. Rahman sedang memberi penerangan kepada peserta Bengkel MM2H

Sesi pembentangan mengikut kumpulan dengan menggunakan dialog bahasa Melayu



## PROGRAM DAN BENGKEL BICARA BERIRAMA



Sesi bengkel bicara berirama yang dikendalikan oleh En. Sheikh Shuhaimi



Persembahan bicara berirama oleh SK Precint (8) Putrajaya

## BICARA HARVARD : SUSTAINABLE FUTURE THROUGH EDUCATION



YBhg. Dato` Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyampaikan sumbangan buku kepada YBrs. Puan Hajah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia



Bicara Harvard "*Sustainable Future through Education*" oleh YBhg. Dato` Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, merangkap Presiden Harvard Business School Alumni Club of Malaysia - HBSACM

# MAJLIS PELANCARAN NOVEL MIKAYLA DAN BICARA SANTAI NOVEL "THE UNSUNG HERO" DAN "THE ONE" VAT 69 KOMANDO




Ucapan aluan oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia




Ucapan pelancaran oleh YBhg. SAC Dato' Azizan Abdul Aziz




Gimik Pelancaran Novel Mikayla Oleh Pasukan Jabatan Siasatan Dan Penguatkuasaan Trafik Kuala Lumpur (JSPT KL)




Sesi Bicara Santai Novel Mikayla



## PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU

Salah satu peranan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) ialah menyediakan perkhidmatan rujukan dan penyelidikan manuskrip Melayu kepada para penyelidik dalam dan luar negara. Justeru, PKMM sentiasa berusaha memperkukuh dan mempelbagaikan koleksi melalui strategi secara bersendirian atau melibatkan rakan kolaborasi sama ada individu ataupun institusi. Strategi yang diambil perlu dilaksana dan diperkasakan dari semasa ke semasa demi memenuhi kerencaman para penyelidik selain bertanggungjawab mengalakkan penyelidikan silang ilmu.

Koleksi manuskrip Melayu boleh dirujuk di aras 11, Menara PNM. Para penyelidik boleh mengenalpasti subjek yang ingin dikaji berdasarkan Katalog Manuskrip Melayu terbitan PNM yang diterbitkan secara dwitahunan ataupun mana-mana sumber berkaitan. Sehingga kini, manuskrip Melayu bukan sahaja dikaji oleh para sarjana dan penyelidik dalam bidang filologi atau sejarah sahaja, malah ia mula membuka lembaran baharu apabila para pakar dalam bidang lain termasuk matematik, botani, farmakologi, kejuruteraan, ekonomi, dan lain-lain bidang mula menggunakan manuskrip Melayu sebagai asas penyelidikan mereka.

Pada tahun 2016 PKMM telah memberikan perkhidmatan kepada 222 orang penyelidik (kajian penyelidikan) (Jadual I) dan 1895 orang (pembaca dan pelawat). Statistik pada tahun 2016 juga menunjukkan penyelidik telah merujuk kepada 613 naskhah asal manuskrip Melayu dan 139 gegelung salinan mikrofilem (Jadual II). Sementara 326 pertanyaan rujukan ringkas dan 559 pertanyaan penyelidikan yang telah diterima dan diberi maklum balas bagi tahun 2016 (Jadual III).

**Jadual I: Jumlah Penyelidik Yang Telah Mendapatkan Perkhidmatan di PKMM**



Jadual II: Jumlah Koleksi di PKMM Yang Dirujuk Oleh Penyelidik




Jadual III: Jumlah Pertanyaan Rujukan Yang Diterima Sepanjang Tahun 2016



# SENARAI PAMERAN PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU 2016

| BIL. | PERKARA | TEMPAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1. | Pameran Manuskrip Melayu sempena Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali ke-59 Tahun 1437/2016 | Lobi Dewan Cempakasari, Perbadanan Putrajaya | 21-25 Mac 2016 |
| 2. | Pameran Manuskrip Melayu dan Jawi sempena Bengkel dan Seminar Antarabangsa Tulisan Jawi anjuran Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan | Dewan Utama, Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan | 29-30 Mac 2016 |
| 3. | Pameran Manuskrip Melayu sempena Seminar Ulama Pahang kali ke-5 anjuran Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Pahang | M.S. Garden Hotel, Kuantan | 23-24 Mei 2016 |
| 4. | Pameran Sistem Pemerintahan Beraja dan Hubungan Luar Negara sempena Seminar Institusi Raja (SIRaj 4) anjuran bersama UNIMAP dan PNM | Ruang Pameran, Aras 1, PNM | 29 September 2016 |
| 5. | Pameran Manuskrip Melayu Sempena Konvensyen Ketamadunan Dunia 2.0 anjuran GPTD | Auditorium Dewan Bahasa Dan Pustaka | 5 Mac 2016 |
| 6. | Pameran Manuskrip Melayu (MSS 1713) Hikayat Hang Tuah | Ruang Pameran Aras 1, PNM | 28 Mac-Mei 2016 |
| 7. | Pameran Manuskrip Melayu sempena Program Pameran Kesenian Islam | Perbandanan Perpustakaan Awam Negeri Perak | 25 Julai 2016 |
| 8. | Pameran Manuskrip Melayu Iluminasi sempena Pameran Sains dan Kesenian Islam Peringkat Negeri Perlis 2016 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis | 8-10 Oktober 2016 |
| 9. | Pameran Manuskrip Melayu sempena Wacana Kesultanan Melayu anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka | Dewan Seminar Datuk Hassan Ahmad, Menara DBP | 27 Oktober - 27 November 2016 |
| 10. | Pameran Mini Asal Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu sempena Seminar Asal usul dan Bukti Keintelektualan Melayu | Lobi Auditorium, Aras 2, PNM | 8-9 November 2016 |
| 11. | Pameran Manuskrip Melayu dan Jawi sempena Karnival Jawi | Perbandanan Perpustakaan Awam Negeri Perak | 14-15 November 2016 |

# PROGRAM/AKTIVITI PUSAT KEBANGSAAN MANUSKRIP MELAYU 2016

## Wacana Manuskrip Melayu: Cerita Panji Merentas Sempadan pada pada 16 Mei 2016



Pakar Cerita Panji, Dr Noriah Mohamed menyampaikan maklumat mengenai cerita-cerita panji yang menggambarkan nama wira dan wirawati iaitu Raden Inu Kertapati dan Raden Galuh Candera Kirana.

Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah menyampaikan cenderamata kepada Dr. Noriah Mohamed



## SEMINAR INSTITUSI RAJA (Siraj IV): HUBUNGAN LUAR KESULTANAN MELAYU

Pada 29 September 2016, Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Seminar Institusi Raja (SIRaj IV) : Hubungan Luar Kesultanan Melayu



DYTM Tuanku Syed Faizuddin, Raja Muda Perlis (dua dari kanan) Yang Amat Berhormat Dato' Seri Azlan Man, Menteri Besar Perlis (dua dari kiri ) YBhg. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Naib Canselor UniMap (kiri), YBrs. Puan Hajah Nafisah Ahmad, Ketua Pengarah PNM (kanan) sedang menyanyikan lagu Negaraku semasa Majlis Perasmian.

DYTM Tuanku Syed Faizuddin, Raja Muda Perlis, menyampaikan Titah Ucapan Perasmian Pembukaan SIRaj IV: Hubungan Luar Kesultanan Melayu.



## PROGRAM WACANA MANUSKRIP MELAYU

### Hikayat Peperangan Tok Janggut (MSS 1651) pada 18 Ogos 2016




Dr. Hamdan Aziz, Pensyarah Kanan Jabatan Kenegaraan dan Peradaban Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Dr. Hamdan Aziz mengulas tentang perjuangan Tok janggut.

Peserta yang hadir untuk Wacana Hikayat Peperangan Tok Janggut (MSS 1651)



# SEMINAR ASAL USUL DAN BUKTI KEINTELEKTUALAN MELAYU



YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin (tengah) bersama YBhg. Datuk Haji Ab. Ghafar A. Tambi (dua dari kiri), YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh (kiri), YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar (kanan) dan Puan Hajah Nafisah Ahmad (dua dari kanan) di Majlis Perasmian Seminar Asal Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu 2016.

YB. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyampaikan ucapan perasmian sempena Seminar Asal Usul dan Bukti Keintelektualan Melayu 2016 di Perpustakaan Negara Malaysia





Dr. Hasanulddin Mohd (kiri) dan Prof. Madya Dr. Ab. Razak Ab. Karim (kanan) serta Encik Ramli Rahman (tengah) selaku pemudahcara dalam Sesi Kelima seminar pada 8 Oktober 2016.



## BAHAGIAN SUMBER ELEKTRONIK

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menyediakan perkhidmatan koleksi bahan audio dan sumber elektronik dalam semua bidang perkara melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian Sumber Elektronik (BSE). BSE telah dipertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi ICT yang boleh dirujuk oleh pengguna perpustakaan di Perpustakaan Bestari Samsung (SSL) di Aras 1, Anjung Bestari, Perkhidmatan Siber dan penggunaan Ipad di Aras 2, Anjung Bestari dan Perkhidmatan Sumber Elektronik dan koleksi Audio Visual di Aras 4, Anjung Bestari.

Statistik bagi penerimaan koleksi dan penggunaan perkhidmatan adalah seperti berikut:

| BIL. | PERKARA | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Penerimaan Bahan Koleksi Sumber Media (Naskhah) | 1,649 |
| 2. | Bahan dirujuk | 15,008 |
| 3. | Pengguna Perkhidmatan Hipermedia Dewasa | 17,673 |
| 4. | Pengguna Perkhidmatan Siber dan Ipad | 9,764 |
| 5. | Pengguna Perkhidmatan Perpustakaan Bestari Samsung | 10,005 |

Pada tahun 2016, secara keseluruhannya sebanyak 28 aktiviti Eksplorasi Digital @ PNM dan Celik Siber @ PNM telah dilaksanakan serta mendapat sebanyak 1,563 penyertaan dari pengguna. Perincian penyertaan aktiviti Eksplorasi Digital @ PNM dan Celik Siber @ PNM adalah seperti berikut :

| BIL. | AKTIVITI/PROGRAM | KEKERAPAN |
|---|---|---|
| 1. | Aktiviti Eksplorasi Digital @ PNM<br>• Pusat Hipermedia Dewasa<br>- Kuiz Teroka PNM<br>- Kuiz Skor A<br>- Kuiz Eksplorasi Maklumat Digital<br>- Kuiz Kemerdekaan<br>- Kuiz Rukun Negara<br>• Samsung SMART Library<br>- Infohunt<br>- Eksplorasi SSL | 19 |
| 2. | Celik Siber @ PNM<br>• Penyertaan kuiz dalam talian mengikut tema setiap bulan yang dimuat naik dalam laman web PNM. | 8 |
| 3. | Program Gajet & Maklumat Digital | |
| | **JUMLAH** | **28** |

Sepanjang tahun 2016 sebanyak 19 sesi telah dilaksanakan di 22 kementerian, 16 sesi bagi jemputan kerjasama perpustakaan kementerian/politeknik/IPG/MARA.

Selain itu, PNM juga giat melaksanakan sesi latihan kendiri secara zon dengan kerjasama perpustakaan negeri yang melibatkan 10 buah perpustakaan negeri.

Hasil dari program dan aktiviti yang telah dijalankan, pencapaian penggunaan Perkhidmatan Perpustakaan Digital PNM pada tahun 2016 ialah sebanyak 3,179,322 juta penggunaan. Berikut adalah sesi latihan kendiri yang telah dijalankan: seperti dijadual.

## Jadual 1: Sesi Latihan Perkhidmatan Digtial

| BIL. | PROGRAM/ AKTIVITI | PENYERTAAN |
|---|---|---|
| 1. | Sesi latihan kendiri Pangkalan Data untuk Kementerian (Program Transformasi)<br>• Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar<br>• Kementerian Perusahaan & Komoditi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani & Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan<br>• Kementerian Kewangan<br>• Kementerian Kerja Raya<br>• Kementerian Kewangan (KSU & JUSA)<br>• Kementerian Wilayah Persekutuan Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan & Kerajaan Tempatan<br>• Kementerian Belia dan Sukan<br>• Kementerian Pengangkutan<br>• Kementerian Kesihatan<br>• Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)<br>• Kementerian Luar Negeri<br>• Kementerian Pendidikan Malaysia & Kementerian Pengajian Tinggi<br>• Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat<br>• Kementerian Komunikasi & Multimedia<br>• Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan<br>• Kementerian Pertahanan<br>• Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | 467 |
| 2. | Sesi latihan kendiri Pangkalan Data untuk lain-lain Jabatan / IPT / Agensi<br>• Bengkel Penerokaan Maklumat, IPG Perak<br>• Bengkel Pengurusan Perpustakaan<br>• Hospital Bahagia, Kinta<br>• IPG Kuala Terengganu<br>• Jabatan Kerja Raya<br>• Jabatan Peguam Negara<br>• Jabatan Perkhidmatan Awam<br>• Kerjasama IPTS<br>• Kolej Komuniti Kuala Langat<br>• Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan<br>• Literasi Maklumat & Media Parlimen Malaysia<br>• Majlis Belia Malaysia (Sempena Singgah Santai)<br>• Politeknik Dungun<br>• Politeknik Jeli<br>• Politeknik Shah Alam<br>• Program di RTM & Politeknik Kota Kinabalu, Sabah<br>• Sesi Latihan Hands On Perbadanan Perpustakaan Awam Sembilan<br>• Taklimat Pemandu Pelancong<br>• Taklimat Perpustakaan Digital Sempena Pengajian Melayu Merentas Zaman<br>• Taklimat Perpustakaan Digital, ICU, JPM | 2,268 |
| 3. | Sesi latihan kendiri Pangkalan Data untuk Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri (PAN)<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor<br>• Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu<br>• Perpustakaan Negeri Sabah<br>• Pustaka Negeri Sarawak | 1,458 |

| BIL. | PROGRAM/ AKTIVITI | PENYERTAAN |
|---|---|---|
| 4. | Aktiviti Promosi<br>• Ekspo Buku MARA Festival Kota Buku<br>• Hari Bersama Pelanggan @ Putrajaya 2016 (SKMM)<br>• Hari Kraf Kebangsaan 2016<br>• Pembukaan Booth di BERNAMA sempena Pameran Planet Kita<br>• Pembukaan Reruai Promosi U-Pustaka & PNM Digital di Kolej MAHSA<br>• Program Galakan Membaca RTM<br>• Program Persada Minda @ JKR 2016<br>• Program Singgah Santai @ PNM<br>• *Reading in The Park* (FRIM)<br>• Ekspo Buku Malaysia, PWTC | 435 |

## BENGKEL EKSPLORASI PERPUSTAKAAN DIGITAL PNM



Kementerian Pengangkutan Malaysia



Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu



Kementerian Perdagangan Luar Antarabangsa dan Industri



Program Gajet dan Maklumat Digital bertempat di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia




Perpustakaan Perbadanan Awam Kedah



Perpustakaan Perbadanan Awam Pahang

# PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA (PERDANA)

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA (PERDANA)

Perpustakaan Negara Malaysia bertanggungjawab dalam penyampaian perkhidmatan maklumat di peringkat negara dan antarabangsa melalui penyediaan capaian yang mudah dan cepat kepada koleksinya. Selari dengan transformasi perkhidmatan digital di sektor awam, PNM juga memberi fokus terhadap pemerkasaan perkhidmatan perpustakaan yang berteraskan pengaksesan maklumat secara digital, PNM telah melaksanakan pelbagai insiatif untuk mempertingkatkan dan menambahbaik capaian kepada sumber maklumat perpustakaan.

## BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN

### Perkhidmatan u-Pustaka

Perkhidmatan u-Pustaka adalah satu inisiatif Kerajaan yang bertujuan untuk menyediakan mekanisme perkhidmatan penyampaian maklumat yang lebih inovatif bagi membolehkan rakyat meneroka maklumat tanpa sempadan waktu dan lokasi. Perkhidmatan ini adalah satu inovasi yang memanifestasikan sinergi kolaboratif oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan tujuh (7) perpustakaan konsortium serta sepuluh (10) rakan strategik terdiri dari agensi kerajaan dan swasta.

Perpustakaan yang terlibat dalam projek rintis ini adalah Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan INTAN Bukit Kiara, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang, Perpustakaan Negeri Sabah, Pustaka Negeri Sarawak, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan Perpustakaan Kuala Lumpur.

Portal u-Pustaka boleh dilayari melalui laman sesawang di http://www.u-pustaka.gov.my. Portal u-Pustaka telah dilayari bukan sahaja oleh pengguna dari dalam negara malahan juga dari 138 buah negara. Sepanjang tahun 2016, portal u-Pustaka telah menerima sebanyak 35,839 sesi lawatan dan 125,089 page views.

Jumlah keseluruhan ahli u-Pustaka sehingga akhir 2016 adalah sebanyak 414,640 orang ahli manakala sebanyak 59,457 adalah ahli baharu u-Pustaka

Bagi transaksi pinjaman pula, sebanyak 2,163 telah direkodkan dengan sebanyak 1,266 buah buku telah dipinjam oleh ahli u-Pustaka secara dalam talian.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 37 aktiviti promosi perkhidmatan u-Pustaka telah dilaksanakan Kementerian/Jabatan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi, Sekolah-sekolah dan di beberapa program dan karnival yang dianjurkan secara Strategi Lautan Biru Kebangssan (NBOS).




Promosi perkhidmatan u-Pustaka sempena Kem Membaca 1Malaysia, Johor Bahru.



Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2016 di MAEPS, Serdang.




Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka semasa Program Singgah Santai di PNM.




Promosi keahlian dan perkhidmatan u-Pustaka di Festival Sastera Kanak-Kanak, di Maju Junction, Kuala Lumpur.



Promosi perkhidmatan u-Pustaka di 21st CLD MARA Smart Education Summit.

# BAHAGIAN KANDUNGAN DIGITAL

Aktiviti pendigitalan koleksi perpustakaan sentiasa dijalankan selaras sebagai satu usaha PNM untuk menyediakan akses kepada sumber perpustakaan dengan lebih mudah dan cepat untuk rujukan pengguna perpustakaan secara digital seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

Koleksi yang diberi keutamaan dalam proses pendigitalan merupakan bahan-bahan yang mempunyai nilai warisan yang tinggi yang menunjukkan keintelektualan Melayu iaitu manuskrip Melayu. Buku-buku yang mempunyai maklumat tentang Tanah Melayu dan Malaysia yang diterbitkan sebelum 1950-an iaitu buku nadir. Koleksi Peribadi merupakan himpunan ilmu dan maklumat yang dimiliki oleh orang perseorangan, tokoh-tokoh ilmuan, cendikiawan, budayawan, negarawan atau pengkaji yang banyak memberi sumbangan kepada ketamadunan manusia dan koleksi yang diterima bawah Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta331). Sepanjang tahun 2016, sebanyak 2,815 judul bahan perpustakaan telah berjaya diproses dan ditukar ke format dalam bentuk digital dengan jumlah muka surat sebanyak 135,789 muka surat. Statistik Pendigitan Koleksi Perpustakaan Jenis Bahan, Judul dan Muka Surat yang didigitalkan bagi tahun 2016 seperti di Jadual I.

**Jadual I: Statistik Pendigitan Koleksi Perpustakaan Jenis Bahan, Judul Dan Muka Surat**

| JENIS BAHAN | JUDUL | BIL. MUKA SURAT |
|---|---|---|
| (a) Koleksi Peribadi | 72 | 24,035 |
| (b) Buku Nadir | 585 | 94,414 |
| (c) Manuskrip Melayu | 64 | 6,013 |
| (d) Koleksi Negara | 20 | 2,987 |
| (e) Terbitan Jabatan | 8 | 805 |
| (e) Keratan Akhbar | 2,046 | 2,046 |
| (f) Projek Khas | 20 | 5,489 |
| **JUMLAH** | **2,815** | **135,789** |

Sebagai inisiatif untuk mempergiatkan lagi aktiviti mempromosikan bahan digital ini, PNM telah menambah satu (1) unit Kiosk Digital@PNM dengan penambahan 200 judul baharu menjadikan keseluruhan judul yang terdapat dalam kiosk digital ini adalah sebanyak 1,000 judul. Pembaharuan lain yang terdapat di mesin kiosk ini adalah penggunaan QR Code bagi akses kepada setiap kandungan yang terdapat di dalam kiosk.




**Kiosk Digital@PNM**

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN PROJEK DIGITAL

## KNOWLEDGE MANAGEMENT PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Pelaksanaan pembangunan sistem Knowledge Management (KM) di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah dirancang secara strategik dan termaktub dalam Pelan Strategik Teknologi Maklumat PNM. Bermula pada Februari 2014 sistem ini telah mula digunakan oleh Kakitangan PNM.

Sistem KM boleh diakses melalui Portal VShare iaitu https://vshare.pnm.gov.my. Sistem yang dibangunkan dengan kerjasama pihak MAMPU ini adalah satu platform di mana maklumat dapat disimpan dan dikongsi bersama bagi memastikan semua staf PNM mendapat ilmu pengetahuan dan pengalaman yang sama untuk dipraktikkan.

Portal ini juga digunakan untuk perkongsian dokumen (kertas persidangan, laporan dan teks ucapan), perkongsian foto aktiviti-aktiviti anjuran Jabatan dan juga komunikasi menggunakan forum. Selain daripada itu, portal ini juga digunakan untuk sesuatu mesyuarat seperti Mesyuarat Pengurusan Jabatan. Pegawai KM di setiap bahagian telah dilantik bagi memastikan pelaksanaan dan penggunaan Portal VShare di peringkat bahagian lebih lancar dan terancang.

2 (dua) Team Site telah diwujudkan iaitu Penasihat Pembaca@PNM dan Perpustakaan Desa@PNM




**Muka depan Portal Knowledge Management PNM (VShare)**

Pada tahun 2016, terdapat penambahan dua (2) Team Site iaitu:

| PROJECT SITE | COMMUNITY SITE | TEAM SITE |
|---|---|---|
| Knowledge Management System | Sistem Pengurusan Kualiti | Literasi Maklumat |
| International Digital Library Conference (IDLC 2014) | JPICT | Media Sosial |
| Pelan Strategik Teknologi Maklumat | Barisan Pengurusan | *Penasihat Pembaca@PNM |
| Menaik taraf Talian 1Gov*Net PNM | Pengurusan Tertinggi | *Perpustakaan Desa@PNM |

*** Team Site Baharu**

Statistik terkumpul perkongsian di Portal VShare sehingga 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

(i) Jumlah Dokumen - 3,029
(ii) Jumlah Foto - 313

Sebanyak lima (5) Sesi latihan kendiri penggunaan Portal VShare telah dilaksanakan pada tahun 2016 bagi tujuan ulangkaji penggunaan Portal VShare.

## Pendedahan Teknologi Terbaru Dan Terkini

Bahagian Pengurusan Projek Digital (PMO Digital) bertanggungjawab untuk menyelaras pendedahan teknologi baru (technology update) berkaitan perpustakaan digital. Pelaksanaan technology update adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan perkembangan teknologi baru yang relevan di perpustakaan serta bagi menyediakan platform untuk mendapatkan idea dalam merancang dan membangunkan inisiatif digital. Pendekatan yang diambil ialah dengan mengadakan sesi pembentangan dan demo produk serta taklimat berkaitan inisitif digital yang telah dilaksanakan oleh agensi lain kepada kumpulan sasaran tertentu.

Sepanjang tahun 2016, sebanyak tujuh (7) sesi mengenai pelbagai produk dan inisiatif digital telah berjaya diketengahkan iaitu:

- Pada 5 Februari 2016, Demo OCLC WorldShare oleh Syarikat NM13 Sdn. Bhd. di Bilik Mesyuarat Lembaga Aras 15, Menara PNM.

- Pada 4 Mac 2016, Demo produk berkaitan sistem perpustakaan, katalog induk kebangsaan dan repositori iaitu Sierra, Inn-Reach dan Vital oleh Syarikat Innovative Interfaces Inc. di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur.

- Pada 10 Mei 2016, Demo Digital Maker Hub oleh Encik Muhamad Zulfadli b. Mohd. Amindari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Demo EPrint, VuFind & Apache Solr oleh Encik Salleh Hudin Mustaffa dari Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM.

- Pada 14 Oktober 2016, Demo Crowdsourcing oleh Encik Asyraf Ahamed bin Basheer Ahamad dan Puan Junaida Binti Orangzib dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) di Perpustakaan Negara Malaysia.

- Pada 25 Oktober 2016, Program Pustakawan-BITE diadakan di Perpustakaan Kuala Lumpur. Pengisian program ini adalah:

  - Bicarakan aplikasi teknologi perpustakaan terkini. Ahli-ahli panel program ini adalah Encik Mohd Ridzman bin Azzahari dari Onemyr Awareness Management, Dr. Junaidi bin Abdullah dari Universiti Multimedia (MMU) dan Puan Sofia Akmal binti Abu Bakar dari Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC).

  - Pembentangan produk oleh Encik Faiz bin Al-Shahab dari Xentral Methods Sdn. Bhd..

  - Bengkel Amalan Terbaik Pengurusan Aplikasi Media Sosial oleh Encik Ahmad Faizar bin Jaafar dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),Universiti Teknologi MARA (UiTM).

- Pada 24 November 2016, Demo teknikal Sierra, Inn-Reach dan Vital oleh Syarikat Innovative Interfaces Inc. di Bilik Serbaguna Aras 1, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia.

- Pada 21 Disember 2016, Demo produk berkaitan sistem perpustakaan, katalog induk kebangsaan dan pengurusan kandungan digital iaitu Angka.sa2 dan Athena oleh Syarikat Tech Innovasi Sdn. Bhd.di Bilik Syarahan Aras 5, Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia.











Demo Digital Maker pada 10 Mei 2016 di Perpustakaan Negara Malaysia.













Program Pustakawan BITE pada 25 Oktober 2016 di Perpustakaan Kuala Lumpur.

# PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI

## BAHAGIAN PINJAMAN

Sejajar dengan usaha Perpustakaan Negara Malaysia dalam mewujudkan masyarakat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca dan mencintai ilmu pengetahuan, Bahagian Pinjaman sentiasa memastikan perkhidmatan pinjaman buku yang disediakan untuk pengguna dewasa dan kanak-kanak adalah berkualiti dan terkini. Mendepani kehendak pelanggan masa kini dan selaras dengan usaha membudayakan tabiat membaca, Bahagian Pinjaman juga lebih responsif dan proaktif dengan menyediakan pelbagai aktiviti galakan membaca dan galakguna perpustakaan yang lebih menarik dengan diserapkan elemen media interaktif dan penggunaan gajet terkini. Usaha-usaha ini adalah selaras dengan falsafah Perpustakaan Negara Malaysia iaitu bagi membina bangsa Malaysia berbudaya membaca dan cintakan ilmu melalui pembelajaran sepanjang hayat ke arah memartabatkan tradisi keilmuan.

### Fungsi Bahagian Pinjaman

Fungsi utama Bahagian Pinjaman adalah menyediakan perkhidmatan pinjaman kepada pembaca berdaftar iaitu dari golongan dewasa dan kanak-kanak dengan cekap dan berkesan ke arah membina masyarakat berilmu dan berbudaya membaca.

**Bahagian Pinjaman terbahagi kepada 4 unit iaitu:-**

i. Unit Pinjaman Dewasa
ii. Unit Kanak-kanak
iii. Unit Pinjaman Berkelompok
iv. Unit Perpustakaan Komuniti
- Perpustakaan Komunit AU2
- Perpustakaan Komuniti Mahkota Cheras
- Perpustakaan Komuniti Mini-UTC Keramat Mall
- Perpustakaan Awam Bukit Damansara

### Perkhidmatan

Bahagian Pinjaman dalam usaha untuk mencapai objektif bahagian telah berusaha menyediakan perkhidmatan pinjaman yang berkualiti dan meningkatkan pengurusan koleksi pinjaman. Statistik aktiviti sirkulasi mengikut unit sepanjang tahun 2016 adalah seperti Jadual 1 di bawah:

**JADUAL I: STATISTIK AKTIVITI SIRKULASI 2016**

| UNIT | PINJAMAN (NASKAH) | PEMULANGAN (NASKAH) |
|---|---|---|
| Pinjaman Dewasa | 152,052 | 143,856 |
| Pinjaman Kanak-kanak | 105,678 | 147,934 |
| Pinjaman Berkelompok | 160,709 | 96,741 |
| Perpustakaan Komuniti | 90,568 | 84,781 |
| **JUMLAH** | **509,007** | **473,312** |

Bagi menjamin perkhidmatan yang cekap dan berkesan, bahagian ini mempunyai koleksi yang berkualiti dan terkini sebanyak 892,397 naskhah pada tahun 2016, manakala Perpustakaan Komuniti pula, jumlah koleksi kumulatif sebanyak 79,446 naskhah.

Pertambahan penerimaan bahan koleksi 2016 adalah seperti di Jadual 2 di bawah:

| UNIT | PENERIMAAN (NASKAH) |
|---|---|
| Unit Pinjaman Dewasa | 5,482 |
| Unit Pinjaman Kanak-kanak | 5,149 |
| Unit Pinjaman Berkelompok | 6,970 |
| Perpustakaan Komuniti | 10,127 |
| **Jumlah** | **27,728** |

### Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok

Perkhidmatan ini disediakan kepada institusi/jabatan yang tidak mempunyai atau kurang peruntukan untuk perolehan koleksi bahan bacaan. Perkhidmatan ini bertujuan untuk memberi galakan dan sokongan kepada pertubuhan, persatuan, institusi, jabatan, kementerian, syarikat swasta, sekolah, institut pengajian tinggi dalam usaha mereka menyediakan kemudahan membaca dan seterusnya memupuk minat membaca di kalangan orang ramai.

Sesebuah institusi/jabatan yang telah berdaftar boleh meminjam sebanyak 400 buah buku untuk tempoh tiga (3) bulan. Institusi/jabatan tersebut bertanggungjawab terhadap buku yang mereka pinjam tertakluk kepada syarat dan peraturan Pinjaman Berkelompok. Sehingga Disember 2016, Perkhidmatan Pinjaman Berkelompok mempunyai sebanyak 542 keahlian.

### Perkhidmatan Pinjaman Perpustakaan Komuniti

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan kecemerlangan budaya ilmu kepada masyarakat dalam pembangunan negara, Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program untuk menarik minat masyarakat tempatan antaranya adalah dengan penubuhan Perpustakaan Komuniti.

Perpustakaan Komuniti berfungsi sebagai pusat maklumat setempat bagi memudahkan masyarakat mengakses bahan-bahan bacaan dan maklumat dengan mudah dan cepat di tempat-tempat tumpuan utama masyarakat bandar. Selain ini, Perpustakaan

Komuniti juga menggalakkan dan memupuk amalan budaya membaca dengan membawa bahan-bahan bacaan dekat dengan masyarakat setempat di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

Perpustakaan Negara Malaysia memberi perkhidmatan di empat (4) buah perpustakaan komuniti seperti berikut:

i. Perpustakaan Komuniti AEON Mahkota Cheras (PKMC)
ii. Perpustakaan Komuniti AEON AU Setiawangsa (PKAU2)
iii. Perpustakaan Awam Bukit Damansara (PABD)
iv. Perpustakaan Komuniti Mini UTC Keramat Mall (PK Mini UTC Keramat)

### Aktiviti Galakan Membaca

Sepanjang tahun 2016, Bahagian Pinjaman telah melaksanakan aktiviti galakan membaca dan galak guna perpustakaan dengan kerjasama sukarelawan, NGO, Kementerian Kesihatan Malaysia, Perbadanan Kota Buku, Aswara, PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Persatuan Penulis, Kolej Perkembangan Awal Kanak-kanak, (KPAKK), Kementerian Pertahanan dan lain-lain. Sebanyak 80 aktiviti galakan membaca telah diadakan pada tahun 2016 yang melibatkan keluarga, remaja, dewasa dan kanak-kanak. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

### Festival Sastera Kanak-Kanak 2016

Festival Sastera Kanak-Kanak 2016 anjuran Perbadanan Kota Buku (PKB) telah diadakan dari 30 Mei hingga2 Jun 2016 di Parkson, Maju Junction Mall, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Bertemakan "Meraikan Kepelbagaian dalam Sastera Kanak- Kanak" PKB selaku Urus Setia telah mengatur pelbagai acara sepanjang Festival Kanak-Kanak 2016 dan PNM telah menjayakan sudut berkonsepkan Rehat dan Baca (Rest and Read) di mana aktiviti yang telah dilaksanakan adalah berkonsepkan Membaca Bersama Keluarga.

Antara pengisian aktiviti adalah *FuziMagic Children Development Programme, Alice in Wonderland Funtime,* Bengkel Buku Ciptaan Saya, *Finger Puppet Fun*, Puisi Muzikal Kanak-Kanak, *Fun With i-Play*, Riang Ria Membaca, Klinik Jawi dan Sesi Kraftangan/Pertunjukan Boneka. Pameran Produk PNM juga turut diadakan yang meliputi promosi perkhidmatan PNM termasuk u-Pustaka, perkhidmatan pinjaman berkelompok, pendaftaran keahlian, demonstrasi jilidan/pembaikan ringan dan promosi pangkalan data kanak-kanak. Aktiviti yang dijalankan di reruai PNM telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan dari kanak-kanak serta keluarga mereka dengan penyertaan 1,250 pengunjung ke Sudut Aktiviti.

### Singgah Santai@PNM #Relakslah Dulu...

Program Singgah Santai @PNM Perpustakaan Negara Malaysia merupakan aktiviti berskala sederhana yang merupakan jenama baharu aktiviti galakan membaca yang melibatkan kerjasama bahagian-bahagian perkhidmatan selaras dengan usaha memberi galakan kepada pengunjung untuk mengunjungi dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM serta melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti menarik yang mampu merangsang perkembangan minda dan interaksi sosial mereka. Sepanjang 2016, sebanyak empat siri Program Singgah Santai telah diadakan iaitu pada 27 Februari 2016, 14 Mei 2016, 27 Ogos 2016 dan 22 Oktober 2016.

Antara pengisian aktiviti adalah Sesi Temu Mesra Penulis, Bengkel Speed Reading, Puisi Muzikal Merdeka, Konsert Mini Jiwa Merdeka Anak Malaysia, Program Saintis Muda, Demonstrasi Permainan Tradisional, Literasi Maklumat Untuk Kanak-Kanak, Konsert Mini Dari Buku ke Lagu, Let's Smile Together, Aktiviti Kraftangan, Aktiviti Jawi, jualan buku Car Book Sale, Jualan Produk, Pameran oleh agensi seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, PDRM, Jabatan Maritim serta pameran produk PNM. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan dari kanak-kanak serta keluarga mereka di mana jumlah pengunjung ialah seramai 13,274 orang bagi keempat-empat siri program ini berlangsung.

### Program Riang Ria Membaca

Program ini dijalankan untuk kanak-kanak yang melibatkan pelbagai kaedah yang mampu merangsang imaginasi, kreativiti, inovasi dan meningkatkan tahap keyakinan kanak-kanak.

Program ini di adakan dengan lebih kerap pada cuti penggal persekolahan dan antara aktiviti yang dijalankan adalah Sesi Bercerita, Kelab Teater Kanak-Kanak PNM, Kraftangan, Bengkel, Pertunjukan Boneka, InfoHunt, Literasi Maklumat dan lain-lain.

# PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PERLIS

## Program Utama

Setiap tahun, Perpustakaan Awam Negeri Perlis berusaha melaksanakan beberapa program seperti berikut dalam usaha menyemarakkan budaya membaca.

1. Karnival Buku Perlis - 26 Mac- 4 April 2016
2. Let's Read Together For 10 Minutes / Membaca Bersama Selama 10 Minit. Kem Bina Insan Sukarelawan Iplay - 25 April 2016
3. Program #Malaysia Ngaji Peringkat Negeri Perlis - 29 Jun 2016
4. Hari Bertemu Pelanggan dan Jamuan Aidilfitri - 26 Julai 2016
5. Program Pengkisahan Sejarah 2016 "Selagi Hidup Selagi Itu Berjuang" - 25 Ogos 2016
6. Program Fiesta Seni 2016 "Perlis Permai Lagi Mempesona" - 26-27 Okt 2016
7. Program Syoknya di Perpustakaan - 5-23 Dis 2016

Selain itu terdapat juga program berskala kecil yang telah dijalankan sepanjang tahun 2016 dalam mempromosikan budaya membaca. Program-program ini adalah anjuran Perpustakaan Awam Negeri Perlis dan juga kerjasama dengan lain-lain jabatan di negeri ini.

1. Pesta Angin Timur - 12- 13 Mac
2. Penyerahan Buku Kanak- kanak sempena Sambutan Ulang Tahun Ke 74 DYMM Raja Perlis dari MQA - 29 April 2016
3. Program Ceria bersama Perpustakaan Bestari Samsung - 19 Mei 2016
4. Program DI SINI... TERCIPTA MEMORI - 25 Mei 2016
5. Program Semurni Kasih Ramadan - 28 Jun 2016
6. Majlis Ramah Mesra KPK dan Penggiat Industri - 21 Julai 2016
7. Tayangan & kuiz Kemerdekaan - 12 Ogos 2016
8. Koir dan Perbarisan Hari Kebangsaan - 31 Ogos 2016
9. Kuiz Perpustakaan Bestari Samsung dengan KAHOOT! - 9 Sept 2016
10. Program Merakyatkan Seni Budaya Pesta Pantun Terbuka Negeri Perlis 2016 - 29 Sept 2016
11. Kuiz Sejarah Kemerdekaan - Peringkat Saringan - 1 Okt 2016
12. Kuiz Sejarah Kemerdekaan - Peringkat Akhir - 8 Okt 2016
13. Kuiz Perpustakaan Bestari Samsung dengan KAHOOT! - 21 Okt 2016
14. Jom Pi Perpustakaan - 12 Nov, 19 Nov, 26 Nov, 4 Dis 2017

## Pameran

Sebanyak 4 telah diadakan di Perpustakaan Awam Negeri Perlis. Terdapat pameran yang telah diadakan secara kerjasama antaranya dengan Perpustakaan \ UniMAP dan PNM.

1. Pameran Hari Buku - 23-30 April 2016
2. Pameran Buku Baharu
3. Pameran Vandalism Buku-buku perpustakaan
4. Pameran Fotografi - 28 Okt-31 Dis 2016

## Pameran, Promosi dan Kempen Daftar Ahli

Pameran Promosi dan Kempen Daftar Ahli dijalankan atas permintaan agensi dan jabatan di negeri Perlis dan juga sekolah-sekolah. Pelbagai pengisian menarik antaranya Pameran Rangkaian Perpustakaan, Pameran Buku, Sudut Permainan Ilmu, Jejak Maklumat, Kempen Daftar Ahli dan lain-lain lagi. Pada tahun 2016, sebanyak 25 siri Pameran, Promosi Dan Kempen Daftar Ahli telah dijalankan.

## Lawatan

Perpustakaan Awam Negeri Perlis turut menerima 32 lawatan berpandu dan rasmi dalam dan luar negeri.

# SISTEM PENGURUSAN KUALITI

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# LAPORAN MS ISO 9001:2008

## MS ISO 9001:2008

Pengurusan kualiti diteruskan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan menjadi pengukuran kualiti kepada perkhidmatan. Pelbagai program kualiti telah dijalankan sepanjang tahun 2016. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2008 PNM. Badan pensijilan yang telah menjalankan audit ini adalah SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 1 hingga 3 Mac 2016. PNM telah berjaya mendapatkan pensijilan semula bagi tempoh 9 April 2016 hingga 14 September 2018. PNM juga telah menjalankan dua (2) kali audit dalaman pada 15 hingga 17 Februari 2016 dan 7 hingga 9 September 2016.

Selain itu, dua (2) jenis mesyuarat kualiti telah diadakan iaitu Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) sebanyak satu (1) kali pada 17 Jun 2016 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana (JKP) MS ISO sebanyak dua (2) kali pada 25 Februari 2016 dan 29 November 2016.

| TARIKH | PERKARA | PESERTA |
|---|---|---|
| 15-17 Mac 2016 | Bengkel Pemantapan Projek Inovasi Kumpulan Inovatif dan Kreatif | Empat (4) kumpulan KIK |
| 8-9 Ogos 2016 | Kursus MS ISO 9001:2015 : Pemahaman dan Pelaksanaan | Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai ISO |
| 4-6 Disember 2016 | Bengkel Pelaksanaan Pengurusan Risiko dan Pendokumentasian MS ISO 9001:2015 | Wakil Pengurusan, Timbalan Wakil Pengurusan, Ketua Sistem Audit, Timbalan Ketua Sistem Audit, Pengurus Dokumen, pemilik proses / Pengarah / Timbalan Pengarah, Penolong Pengarah Kanan dan Pegawai ISO Bahagian serta Urus setia. |


IQNet
THE INTERNATIONAL CERTIFICATION NETWORK
CERTIFICATE
IQNet and SIRIM QAS International hereby certify that
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232, JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
has implemented and maintains a
QUALITY MANAGEMENT SYSTEM
which fulfils the requirements of the following standard
ISO 9001 : 2008
for the following activities
1) PROVISION OF LIBRARY SERVICES;
2) PROMOTION ACTIVITY FOR READING PROGRAM, ADVISORY AND CONSULTANCY SERVICES, PUBLICATIONS, LIBRARY STATISTICS AND PUBLICITY;
3) MANAGEMENT OF SUPPORTING SERVICES.
Issued on : 16 March 2016
Validity date : 14 September 2018
Certification Number : MY-AR 3178
Michael Drechsel, President of IQNet
Khalidah Mustafa, Managing Director, SIRIM QAS International Sdn Bhd


SIRIM QAS INTERNATIONAL
SIJIL
SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232, JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR
WILAYAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati
ISO 9001 : 2008
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements
Skop Pensijilan
1) PEMBINAAN KOLEKSI NEGARA DARI PERINGKAT PENGUATKUASAAN AKTA PENYERAHAN BAHAN PERPUSTAKAAN 1986, PENGESANAN, PEROLEHAN, PENDAFTARAN, PENDOKUMENTASIAN, PENYELENGGARAAN, PEMELIHARAAN DAN KETERSEDIAAN BAHAN UNTUK RUJUKAN SERTA KHIDMAT PENGGUNA;
2) PENGURUSAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA, KHIDMAT NASIHAT DAN PERUNDINGAN, PENERBITAN, STATISTIK PERPUSTAKAAN DAN PUBLISITI;
3) PENGURUSAN PERKHIDMATAN SOKONGAN.
Tarikh dikeluarkan : 16 Mac 2016
Tempoh sah : 09 April 2016 - 14 September 2018
No. Pensijilan : AR 3178
Khalidah Mustafa
Pengarah Urusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

# PROGRAM UTAMA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PROGRAM UTAMA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Seiring dengan misi PNM iaitu menjadi penggerak utama memupuk budaya membaca rakyat Malaysia, Jabatan telah merekodkan sebanyak lima belas (15) program/aktiviti Galakan Membaca pada tahun 2016. Jalinan kerjasama terus diadakan dengan pelbagai pihak seperti Perpustakaan awam Negeri, Perpustakaan Khusus Gunasama, Perpustakaan Desa, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Badan Berkanun dan badan-badan bukan kerajaan. PNM telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

| TARIKH | AKTIVITI | TEMPAT |
|---|---|---|
| 27 Februari 2016 | Program Singgah Santai @PNM | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 4-6 April 2016 | Kem Membaca 1Malaysia | Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor |
| 2 April-31 Disember 2016 | Rancangan Klinik Jawi@IKIMfm | Radio IKIMfm |
| 15 April 2016 | Majlis Sidang Khas Media Rancangan Klinik Jawi | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 18 April 2016 | Program Galakan Membaca di SK Convent 1 Sentul | SK Convent 1 Sentul |
| 25 April 2016 | Jom Baca Bersama 10 Minit | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 14 Mei 2016 | Program Singgah Santai @PNM | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 15 Mei 2016 | Semarak Jawi@Karnival Masjid Al-Ehsan | Bandar Kinrara Puchong |
| 30 Mei - 2 Jun 2016 | Festival Sastera Kanak-kanak 2016 | Maju Junction Mall |
| 29 Jun 2016 | #MalaysiaNgaji | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 25-28 Julai 2016 | Klinik Jawi: Pengkaedahan tulisan Jawi Baharu | Dewan Seminar Pejabat Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru |
| 27 Ogos 2016 | Program Singgah Santai @PNM | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 9-11 Oktober 2016 | Program "Bacalah...Kamu Masih Di Hati" | Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor |
| 22 Oktober 2016 | Program Singgah Santai @PNM | Perpustakaan Negara Malaysia |
| 14 November 2016 | Program Galakan Membaca Sempena Bulan Bahasa SMK Orkid Desa | SMK Orkid Desa |
| 14-15 November 2016 | Karnival Semarak Jawi@Perak 2016 | Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak |
| 27 November 2016 | Program Galakan Membaca Sempena Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) | Projek Perumahan Rakyat Hiliran Ampang, Kuala Lumpur |
| 29-30 November 2016 | Program Galakan Membaca Sempena Karnival Jom ke Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri | Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri |
| 6 Disember 2016 | Program Galakan Membaca Sempena Program Jom ke Perpustakaan Agensi Nuklear Malaysia | Perpustakaan Agensi Nuklear Malays |

# AKTIVITI GALAKAN MEMBACA



#MALAYSIANGAJI

KARNIVAL SEMARAK
JAWI @ PERAK 2016






KEM MEMBACA
1MALAYSIA



KLINIK JAWI

PROGRAM BACALAH.. KAMU MASIH DIHATIKU







FESTIVAL SASTERA KANAK-KANAK

## PAMERAN

Pameran merupakan wadah penyampaian maklumat perkhidmatan dan koleksi PNM kepada pengunjung. Sebanyak 43 pameran telah diadakan di dalam dan luar Jabatan. Antara pameran berskala besar yang diadakan pada tahun 2016 adalah Pameran Khazanah Warisan Negara, Pameran Sistem Beraja dan Hubungan Kesultanan Melayu Melaka dan Pameran PNM @50tahun, Pameran Kesihatan Sedar dan Cegah dan Pameran Fullbright ETA Malaysia 2016 dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat. Manakala pameran berskala sederhana iaitu Pameran Freedom and Independence dengan kerjasama Kedutaan Hungary, Pameran Iranian Culture Days dengan kerjasama Kedutaan Iran,dan Pameran Perkhidmatan PNM di MAEPS, Serdang dan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Beberapa pameran turut diadakan secara NBOS bersama Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Pahang, SK Seri Sitiawan Manjung Raya, Seri Manjung, Perak, SMK Miharja Cheras, Kraftangan Jalan Conlay, Kuala Lumpur, FRIM Kepong, SMK Puchong, SMK Engku Tun Aminah, Johor Bahru, MAHSA University, SMK Setapak Indah, Masjid Al-Ehsan, Kinrara, Puchong, SMK Asunta, Petaling Jaya, SMK Orked Desa dan BERNAMA.





Pameran Fullbright ETA Malaysia




Pameran Khazanah Warisan Negara




Pameran Iranian Culture Days

## LAWATAN BERPANDU

PNM telah menerima sebanyak 88 lawatan dalam negara dengan seramai 4,211 orang dari sekolah rendah dan menengah, taska dan tabika, Institusi Pengajian Tinggi, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta persatuan, yayasan dan NGO.




## LAWATAN LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2016 juga PNM telah menerima sebanyak 582 pelawat luar negara yang melibatkan 46 buah negara yang terdiri dari negara Indonesia, Iran, Filipina, Amerika Syarikat, Kazakhstan, Georgia, Hungary, Morocco, Republik Czech, China, Afrika Selatan, Sri Lanka, Algeria, Australia, Bangladesh dan Arab Saudi.




Lawatan dari Negara Indonesia ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu

Lawatan dari Negara China ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu





Lawatan dari Negara Arab Saudi ke Perpustakaan Bestari Samsung

# KERJASAMA PERPUSTAKAAN




PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# KERJASAMA PERPUSTAKAAN

## PERINGKAT KEBANGSAAN

### Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kem Membaca 1Malaysia merupakan program galakan membaca terbesar dibawah inisiatif Program Gerakan Tabiat Membaca yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2009. Tahun 2016 merupakan tahun ke tujuh program KM1M dilaksanakan. Kem Membaca 1Malaysia 2016 telah diadakan pada 4-6 April 2016 dan Majlis Pelancaran KM1M 2016 telah diadakan pada 4 April 2016 di Sekolah Menengah Sultanah Engku Tun Aminah, Johor Bahru, Johor.Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Khairil bin Haji Awang, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia mewakili Datuk Dr Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM telah mewakili Ketua Pengarah PNM.

### Perpustakaan Awam Negeri (PAN)

Program #MalaysiaNgaji telah dijalankan secara serentak di seluruh negara oleh perpustakaan awam negeri, institusi masjid, institusi pendidikan - universiti dan sekolah, kementerian dan agensi kerajaan, agensi swasta termasuk badan bukan kerajaan NGO pada 29 Jun 2016 bersamaan 24 Ramadan 1437 pada jam 12.00-1.00 tengahari

### Jabatan Pendidikan Islam Daerah Johor Bharu (PPIDJB) Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Islam Daerah Johor Bharu (PPIDJB) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor (PPAJ) melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah melaksanakan bengkel Klinik Jawi: Pengkaedahan Tulisan Jawi Baharu Sesi Pertama bertujuan memberi impak yang menyeluruh dalam pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi.

Program ini telah diadakan pada 25-28 Julai 2016, jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang bertempat di Dewan Seminar, Pejabat Pendidikan Islam, Daerah Johor Bharu, Johor. Klinik ini telah disertai seramai 48 orang yang terdiri daripada guru J-Qaf, Kafa dan Sek. Agama Kerajaan Johor (SAKJ) dan telah dikendalikan oleh Tuan Haji Azman bin Haji Ahmad, Pegawai Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka. Majlis Pembukaan Klinik Jawi: Pengkaedahan Tulisan Jawi Baharu telah disempurnakan oleh Ustaz Hj. Mohd Fauzi bin Arshad, Pegawai Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ustaz Mohd Fakeh bin Sajadi, Penolong Pegawai Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru, Unit Pengurusan Sekolah.

### Jabatan Penjara Malaysia

Program Bacalah...Kamu Masih Di Hati merupakan program galakan membaca yang dilaksanakan melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan antara PNM dan Jabatan Penjara Malaysia. Program ini telah bermula pada tahun 2010 di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka dan pada tahun 2016, program ini telah diadakan di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor pada 11 Oktober 2016. Program ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Haji Hassan bin Sakimon, Timbalan Ketua Pengarah Penjara Malaysia (Keselamatan dan Koreksional).

### Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak

Pada tahun 2016, Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak telah mengadakan Karnival Semarak Jawi@Perak pada 14-15 November 2016 bertempat di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Nolee Ashilin binti Dato' Mohammed Radzi, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Komunikasi dan Multimedia Negeri Perak.

### Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm)

Perpustakaan Negara Malaysia meneruskan penerbitan Rancangan Klinik Jawi di Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM.fm) yang mula bersiaran pada 2 April 2016 hingga 30 Disember 2017. Rancangan ini diterbitkan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Radio Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIMfm).

### Forest Research Institute Malaysia (FRIM)

Bersempena dengan sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat FRIM 2016, PNM untuk buat kali yang ketiga telah bekerjasama dengan FRIM untuk menjayakan aktiviti kekeluargaan yang bertemakan "Reading in the Park" . Aktiviti ini menjurus kepada usaha menanam semangat cintakan alam sekitar dan memberi kesedaran kepentingan menjaga keharmonian ekosistem alam kepada masyarakat khususnya kanak-kanak dan remaja.

### Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Perjanjian persefahaman (MoU) telah ditandatangani oleh Puan Hajah Nafisah binti Ahmad manakala MARA telah diwakili oleh YBhg Datuk Ibrahim bin Ahmad, Ketua Pengarah MARA. Majlis ini telah diadakan pada 1 Disember 2016 di Perpustakaan Negara Malaysia. Perjanjian persefahaman ini sebagai usaha ke arah mewujudkan perkhidmatan maklumat yang berkualiti dan berkesan dalam melahirkan tenaga mahir yang kompeten dan berdaya saing.

### ASTRO Radio Sdn. Bhd.

Program Sukarelawan ASTRO Radio merupakan aktiviti tahunan kakitangan syarikat tersebut dalam usaha menggalakkan semangat kesukarelawan dalam kalangan mereka. Fokus kumpulan sukarelawan sebelum ini adalah rumah-rumah kebajikan dan anak-anak yatim. Walau bagaimanapun mereka telah memilih PNM sebagai tempat menjalankan CSR. Seramai 80 orang ahli sukarelawan Radio Astro Sdn Bhd menyertai program CSR bertarikh 8 Oktober 2016 diantara 10.00 pagi – 2.00 petang bertempat di premis PNM. Ia melibatkan pelbagai peringkat jawatan termasuklah ketua eksekutif. Sementara itu seramai lebih 15 orang kakitangan PNM terlibat dari Bahagian Pinjaman dan Bahagian Komunikasi Korporat.

## PERINGKAT ANTARABANGSA

### International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA)

International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) adalah sebuah organisasi antarabangsa yang memimpin dalam pembangunan perkhidmatan perpustakaan dan kepustakawanan di seluruh dunia. IFLA juga merupakan platform bagi menyuarakan idea dan pandangan ahli dalam bidang kepustakawanan dan profesional maklumat di peringkat antarabangsa. Ketua Pengarah dan seorang pegawai kanan PNM telah menyertai International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA) World Library Information Congress (IFLA WLIC) dan Conference of Directors of National Libraries (CDNL) di Columbus, Ohio USA pada 13-19 Ogos 2016. Delegasi Malaysia telah membuka booth pameran bagi memperkenal dan mempromosi PNM dan KPK di persada dunia.

### Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania (CDNL-AO)

Ketua pengarah bersama seorang pegawai kanan PNM telah menghadiri Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania Annual meeting pada 8-11 Mac 2016 di Perpustakaan Negara New Zealand, Wellington New Zealand.

### Congress of Southeast Asians Librarians (CONSAL)

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyertai Congress of Southeast Asians Librarians (CONSAL) sejak mula ditubuhkan pada tahun 1970. CONSAL merupakan forum di kalangan pustakawan dan ahli profesional dalam bidang berkaitan dari negara Asia Tenggara untuk menjalin hubungan kerjasama dengan menjalankan pelbagai projek. Timbalan Ketua Pengarah PNM telah menghadiri 1st Meeting of CONSAL XVII Executive Board sebagai pembentang kertas kerja pada 27-30 Julai 2016 di Yangoon, Myanmar.

### International Standard Book Number (ISBN)

Pengurusan dan penyelarasan perkhidmatan International Standard Book Number (ISBN) pada tahun ini juga menunjukkan peningkatan kepada 22,523 daripada sasaran iaitu 21,000 judul setahun. Ini diperkukuhkan lagi dengan taklimat yang berterusan diberikan kepada penerbit dan penulis yang berkecimpung dalam bidang penulisan dan penerbitan buku. Sasaran kepada penerbit baru juga telah menunjukkan pencapaian yang baik di mana 751 penerbit baru telah berdaftar untuk mendapatkan ISBN melebih sasaran iaitu 600 penerbit setahun. Pencapaian ini dimurnikan lagi dengan 4 laporan telah disediakan dan dihantar ke Pusat Antarabangsa ISBN di London bagi perkongsian maklumat tentang penulis dan buku yang diterbitkan di Malaysia.

### International Standard Serial Number (ISSN)

Penyertaan Malaysia dalam program International Standard Serial Number (ISSN) telah bermula sejak 1976. Perpustakaan Negara Malaysia sebagai Pusat Kebangsaan ISSN bertanggungjawab untuk mengurus pemberian ISSN bagi judul terbitan bersiri di negara ini. Pada tahun 2012, sebanyak 6,338 ISSN telah dikeluarkan untuk terbitan bersiri di negara ini.



Aktiviti Literasi Media dan Maklumat Semasa
Program Kem Membaca 1Malaysia




Majlis Perasmian Bacalah.... Kamu Masih Di Hati
di Pusat Pemulihan Akhlak Muar, Johor



Aktiviti Kanak-Kanak sempena
Karnival Semarak JAWI PNM



Aktiviti Reading In The Park sempena sambutan
Hari Hutan Antarabangsa. Peringkat FRIM 2016



CEO Radio ASTRO bersama-sama KP PNM menyusun
buku di rak bahagian Pinjaman Dewasa



Ketua Pengarah PNM bersama-sama sukarelawan
Radio ASTRO mengecat di Perpustakaan Kanak-kanak

# TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# TERBITAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

## Penerbitan

Pada tahun 2016, sebanyak 64 penerbitan Jabatan telah dipromosi melalui penyertaan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, Ekspo Buku 1Malaysia, Pesta Buku Negeri serta program yang dianjurkan di dalam dan luar Jabatan. Hasil promosi sebanyak 1,399 naskhah penerbitan telah berjaya dijual.

Hasil jualan yang amat menggalakkan dengan pencapaian sebanyak RM45,960.95. Judul buku terlaris sepanjang 2016 adalah Panduan RDA Malaysia, Kaedah Pembelajaran Jawi:Peringkat Asas, Kitab Tib:Ilmu Perubatan Melayu, Petua Membina Rumah Melayu:Dari Sudut Etnis Antropologi dan Hikayat Hang Tuah.

| BIL. | JUDUL | TAHUN | KUANTITI |
|---|---|---|---|
| 1. | Adab Raja-Raja. | 2006 | 4 |
| 2. | Citra Seni. | 2011 | 2 |
| 3. | Filiologi Jld.18. | 2011 | 2 |
| 4. | Hikayat Ahmad Muhammad. | 1996 | 3 |
| 5. | Hikayat Hang Tuah. | 2015 | 51 |
| 6. | Jejak-Jejak Merdeka (Poskad). | 2007 | 1 |
| 7. | Kaedah Pembelajaran Jawi : Peringkat Asas. | 2015 | 978 |
| 8. | Katalog Koleksi Nadir Bernotasi. | 2014 | 4 |
| 9. | Katalog Koleksi Nadir dan Koleksi Peribadi Bernotasi | 2011 | 2 |
| 10. | Katalog Manuskrip Melayu Tambahan ke-7. | 2012 | 2 |
| 11. | Katalog Manuskrip Melayu Tambahan ke-8. | 2015 | 6 |
| 12. | Kitab Tib : Ilmu Perubatan Melayu. | 2006 | 38 |
| 13. | Lagu Kanak-Kanak : 12 Lagu Rakyat Kanak-Kanak. (VCD). | 2005 | 24 |
| 14. | The Legacy of Malay Manuscripts. | 2012 | 7 |
| 15. | Panduan RDA Malaysia. | 2015 | 210 |
| 16. | Penerbitan Biografi Di Malaysia. | 2006 | 3 |
| 17. | Petua Membina Rumah Melayu : DarI Sudut Etnis Antroplogi. | 2006 | 14 |
| 18. | Puisi Kanak-Kanak : Malaysian Nursery Rhymes. (VCD). | 2003 | 7 |
| 19. | Pulo Ka Satu :<br>Warisan Sejarah Awal Persuratan Melayu Pulau Pinang. | 2014 | 8 |
| 20. | The Royal Commoner :<br>The Life and Times of Imam Perang Jabor 1858-1921. | 2002 | 6 |
| 21. | Sumber Historiografi di Alam Melayu :<br>Koleksi Peribadi John Bastin. | 2011 | 3 |
| 22. | Syair Madhi Citra Melayu Nusantara. | 1994 | 2 |
| 23. | Syair Siti Zubaidah Perang China : Perspektif Sejarah. | 1994 | 6 |
| 24. | Syair-Syair Melayu Riau. | 1995 | 3 |
| 25. | Tokoh-Tokoh Perbukuan Malaysia. | 2011 | 5 |
| 26. | Travelog Pulau Buton. | 2014 | 5 |
| 27. | Undang-Undang Minangkabau :<br>Wacana Intelektual dan Warna Ideologi. | 1997 | 3 |
| | **JUMLAH** | | **1,399** |

Buku Perangkaan Perpustakaan di Malaysia 2015 merupakan terbitan PNM yang memuatkan data-data siri masa secara kolektif mengenai perkhidmatan perpustakaan di Malaysia. Data-data terkumpul dari 2,891 perpustakaan dalam pelbagai kategori dan dipaparkan untuk tempoh 5 tahun terkini (2011-2015)







Kitab Tib
Ilmu Perubatan Melayu
Harun Mat Piah
Hikayat Hang Tuah
Pulo Ka Satu
Panduan
R|D|A
RESOURCE DESCRIPTION & ACCESS
MALAYSIA
The Legacy of Malay Manuscripts

# PENULISAN

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PENULISAN

## Kertas Kerja / Laporan Negara

**Nafisah Ahmad dan Chin Loy Jyoon**
Kertas laporan Negara dibentangkan dalam Conference of Directors of National Libraries in Asia and Oceania Annual meeting pada 8-11 Mac 2016 di Wellington, New Zealand.

**Maizan Ismail**
CONSAL Country Report : Malaysia.
Kertas laporan Negara dibentangkan dalam Congress of Southeast Asian Librarians Meeting and General Conference (CONSAL) pada 27-30 Julai 2016 di Yangoon, Myanmar.

**Chin Loy Jyoon**
Public Library Collaboration and Partnerships in Southeast Asia : Best Practices in Malaysia. Kertas Kerja ini dibentangkan dalam 2nd Convening of INELI-ASEAN pada 6-9 September 2016 di Singapura.

## Rencana

**Hashimah Mohd Yusoff**
Buku Serahan Penerbit Koleksi Negara warisan intelek
SINAR HARIAN: 9 November 2016 (M.S 3)

## Ulasan Buku

**Nor Shamsinar Baharom**
10 tips mudah berucap di khalayak ramai
SARI PUSTAKA, (1) : 2016



10 Tips Mudah Berucap Di Khalayak Ramai

**Noor Shazila Johari**
7 rahsia anak pintar
SARI PUSTAKA, (1) : 2016

**Wan Mohd Saiful Mohd Ghazali**
Beli rumah kababoom
SARI PUSTAKA, (1) : 2016



Beli Rumah Kebaboom

**Zahuddin Sidek @ Salleh**
Guru hebat :
penjana transformasi pendidikan negara
SARI PUSTAKA, (1) : 2016



Guru Hebat:
penjana transformasi
pendidikan negara

**Suhaida Mohamad**
Hubungan ketua & pekerja :
bagaimana membahagiakannya?
SARI PUSTAKA, (1) : 2016



Hubungan ketua & pekerja :
bagaimana membahagiakannya?

**Haslinda Abdullah**
Ibu bapa bijak, keluarga bahagia
SARI PUSTAKA, (1) : 2016

**Razman Abd. Rani**
Kisah hidup Seniman
Agung P. Ramlee
SARI PUSTAKA, (1) : 2016




Kisah hidup Seniman
Agung P. Ramlee

**Ali Rashid**
Aku Budak Dekan
SARI PUSTAKA, (2) : 2016




Aku Budak Dekan

**Aziah Samat**
Ketahui Kesihatan Anda.
5 Langkah Ke Arah Pemakanan Sihat
SARI PUSTAKA, (2) : 2016




Ketahui Kesihatan Anda.
5 Langkah Ke Arah Pemakanan Sihat

**Jamiliana Jamil**
Baksis Untuk ayah
SARI PUSTAKA, (2) : 2016




Baksis untuk Ayah

**Meriyam Abd Aziz**
100 # TIP KEWANGAN PRAKTIKAL
SARI PUSTAKA, (2) : 2016

**Zaidi Abdul**
RnR Hati
SARI PUSTAKA, (2) : 2016




RnR Hati

**Mohamad Razali Abu Bakar**
25 Tip Bisnes Internet
SARI PUSTAKA, (2) : 2016




Formula Luas Rezeki

**Siti Aishah Othman**
Formula Luas Rezeki
SARI PUSTAKA, (2) : 2016




Kuasai Perniagaan Internet

**Nur Aishah Che Raimi**
Kuasai Perniagaan Internet
SARI PUSTAKA, (3) : 2016

**Siti Manoriah Saleh**
Srikandi Agung:
Inspirasi kisah srikandi dan wanita Islam
SARI PUSTAKA, (3) : 2016




Srikandi Agung:
Inspirasi kisah srikandi
dan wanita Islam

**Jamiliana Jamil**
Surat Untuk Anak
SARI PUSTAKA, (3) : 2016




Rosyam Nor:
Impian Budak Setinggan

**Siti Zubaidah Ahmad**
Rosyam Nor: Impian Budak Setinggan
SARI PUSTAKA, (3) : 2016

**Norhamiza Mohamad Hanopiah**
Komunikasi dan seni pemujukan
SARI PUSTAKA, (3) : 2016




Keris Melayu Semenanjung :
Suatu Pengenalan

**Abdul Jalil Awang**
Keris Melayu Semenanjung : Suatu Pengenalan
SARI PUSTAKA, (3) : 2016




Rahsia dan Keunikan Personaliti
Kanak-kanak Autistik di Malaysia

**Za'imatul Ahlam Talhah**
Rahsia dan Keunikan Personaliti Kanak-kanak Autistik
di Malaysia
SARI PUSTAKA, (3) : 2016




Seni mengajar idea hebat,
peraturan mudah

**Ramaperbah Chandran**
Seni mengajar idea hebat, peraturan mudah
SARI PUSTAKA, (4) : 2016




Syurga Aku Datang

**Faizal Abd Manap**
Syurga Aku Datang
SARI PUSTAKA, (4) : 2016




20 Tip Usia Muda Berpahala

**Nor Baayah Che Darus**
20 Tip Usia Muda Berpahala
SARI PUSTAKA, (4) : 2016

**Toon Hoon Chin**
Penderaan Seksual Kanak-kanak
SARI PUSTAKA, (4) : 2016




Muhammad Al-Fateh:
Penakluk Konstantinopel

**Abd Aziz Tahir**
Muhammad Al-Fateh: Penakluk Konstantinopel
SARI PUSTAKA, (4) : 2016

**Ratna SariAyu Osman**
60 nasihat Rasulullah SAW dalam mendidik anak
SARI PUSTAKA, (4) : 2016

# KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA




PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# KELAB PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Penubuhan Kelab PNM pada dasarnya adalah bermatlamat untuk membentuk dan mengamalkan satu budaya kerjasama dan perkongsian idea di kalangan warga PNM tanpa mengira batasan agama, bangsa mahupun pangkat yang mencerminkan kesepaduan di bawah satu bumbung yang sama. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan selaras dengan tujuan utama penubuhan kelab ini iaitu untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan warga PNM. Melalui kekuatan dan kesepakatan yang cemerlang di kalangan Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM amnya dan ahli Kelab PNM khususnya, keseluruhan aktiviti telah mencapai objektif dan memberi impak yang sangat positif kepada sasaran utama ianya dilaksanakan.

## Jawatankuasa Eksekutif Kelab PNM Sesi 2014/2016

Kepimpinan Kelab PNM diterajui oleh pegawai-pegawai yang dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kelab PNM yang ke- 36 yang telah diadakan pada 3 Ogos 2015.

## Kepimpinan Kelab PNM

- **Encik Abdul Majid bin Hamid**
  Yang DiPertua Sehingga 10 Februari 2017
- **Puan Fadhilah Aini binti Md Yusof**
  Naib Yang DiPertua
- **Puan Siti Shafarah binti Shamsudin**
  Setiausaha Kehormat
- **Puan Nor Azlin Sahamed**
  Penolong Setiausaha Kehormat
- **Puan Noraini binti Ya'cub**
  Bendahari Kehormat
- **Cik Rokiah binti Mohd Kassim**
  Penolong Bendahari Kehormat
- Juru Audit
  Puan Suhaila binti Abd Rahman
  Puan Rafiqah binti Zakariah
- Pengerusi Biro
  - Encik Mohd Shah Abu Kassim (Biro Keahlian dan Ekonomi)
  - Encik Ali bin Rashid(Biro Sosial dan Kebudayaan)
  - Encik Razman bin Abd Rani (Biro Kebajikan)
  - Encik Sahril bin Lariwoo (Biro Sukan)
  - Encik Mohd Hafazah bin Azraai (Biro Agama)
  - Encik Azril Hisham bin Abu Bakar (Biro Seranta)

## Keahlian Kelab PNM

Kelab PNM mempunyai tiga (3) jenis keahlian iaitu Ahli Kehormat, Ahli Biasa dan Ahli Bersekutu. Sehingga Disember 2016, jumlah keahlian adalah seramai 421 orang.

## Sinergi Kesepakatan melalui pelaksanaan aktiviti Kelab PNM

Sepanjang tahun 2016, sinergi pelaksanaan pelbagai aktiviti Kelab PNM turut melibatkan kolaborasi dan kerjasama dengan pihak Jabatan, Majlis Bersama Jabatan (MBJ), PUSPANITA Cawangan PNM dan agensi-agensi luar. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan termasuklah Kejohanan Ping Pong Makswip 2016, Pesta Sukan PNM 2016, Kejohanan Bolasepak 11 Sebelah Terbuka MAKSWIP 2016, ceramah agama bulanan, bacaan Yaasin,Tahlil dan doa selamat, kelas belajar tajwid, ceramah agama berasaskan kitab : Penawar Bagi Hati Dan Kekeluargaan Dalam Islam, Program Ihya' Ramadhan, ceramah penyusuan ibu bekerjaya, Sihat@Gaya Hidup Zumba, Majlis berbuka puasa sempena Program #Malaysiangaji, sambutan Meriahnya Raya@PNM dan Kempen derma darah.

Bersempena sambutan ke 50 tahun PNM, acara larian PNM telah diadakan pada 30 Oktober 2016 dan ianya merupakan acara yang julung kali diadakan oleh Kelab PNM. Acara PNM Run ini telah menerima penyertaan dan mendapat sambutan di kalangan kakitangan dan juga orang awam.



Aktiviti Zumba Anjuran Kelab PNM

# PUSPANITA CAWANGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PUSPANITA CAWANGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PUSPANITA Cawangan PNM bernaung di bawah PUSPANITA Cawangan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) yang dipengerusikan oleh Datin Munazzah Zakaria, Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Koleksi (BPK), PNM.

## Keahlian

Sehingga akhir tahun 2016, jumlah keahlian ialah seramai 303 orang yang terdiri daripada ahli biasa dan ahli seumur hidup.

## Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan PNM

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA Cawangan PNM 2014-2016 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | : Datin Munazzah Zakaria |
| Timbalan Pengerusi | : Katrun Nada Hj Hashim |
| Setiausaha | : Chuhana @ Suhana Ahmad |
| Penolong Setiausaha | : Noor Hazwani Warrmal |
| Bendahari | : Rokiah Mohd Kasim |
| Penolong Bendahari | : Thalathiah Awang |
| Pemeriksa Kira-Kira | : Anita Mohd Jusoh |
| | : Noorfadzilah Kadar Bawa |

**Pengerusi Biro**

| | |
|---|---|
| Biro Ekonomi | : Siti Shafarah Shamsudin |
| Biro Kebajikan | : Rosliza Ismail |
| Biro Sosial | : Norsuziyana Mat Nasib |
| Biro Agama | : Manirah Mansor |
| Biro Sukan | : Habirah Mohamad |

## Kegiatan PUSPANITA Cawangan PNM 2016

Pada tahun 2016, PUSPANITA Cawangan PNM telah mengatur pelbagai aktiviti sosial, agama, sukan dan kebajikan sama ada diperingkat Jabatan, Kementerian atau Kebangsaan dan telah dihadiri oleh ahli PUSPANITA.

## Mesyuarat PUSPNITA Cawangan KPK ke-3

Puspanita Cawangan PNM telah menghadiri Mesyuarat PUSPANITA Cawangan KPK kali ke-3 yang telah diadakan di Jabatan Muzium Malaysia pada 26 Januari 2016.

## Kebajikan

Jawatankuasa Kecil Kebajikan memberi sumbangan kematian ahli keluarga terdekat, kemasukan ahli di hospital, perkahwinan ahli, kelahiran anak pertama dan sumbangan kepada ahli yang mengalami musibah atau bencana.

## Sukan

Dalam aktiviti sukan, beberapa pencapaian telah diperolehi oleh PUSPANITA Cawangan PNM. Antaranya peserta dari Puspanita PNM telah terpilih mewakili PUSPANITA Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) bagi Karnival Sukan Kebangsaan 2016. Pasukan Boling PNM pula telah berjaya mendapat tempat ke-3 kategori berkumpulan dalam Kejohanan Boling Puspanita MOTAC 2016 antara Agensi.

## Agama

Menerusi Jawatan Kuasa Kecil Agama, ahli telah melibatkan diri dalam aktiviti anjuran PUSPANITA Kementerian dan Kelab PNM seperti Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran PUSPANITA "Semarakkan Ramadhan 1437H/2016 dan Majlis Khatam Al-Quran, Solat Sunat Dhuha dan Solat Sunat Tasbih Berjemaah serta Program Tazkirah Ramadhan Tahun 2016/1437H.

## Sosial

Jawatankuasa Kecil Sosial menganjurkan aktiviti-aktiviti berikut:

- Mesyuarat Agung PUSPANITA Cawangan KPK ke-3, 26 Januari 2016 bertempat dJabatan Muzium Malaysia.
- Lawatan Kraf, 25 Februari 2016 bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur.
- Bengkel Perubatan Herba bagi Wanita Selepas Bersalin, 3 Mac 2016 bertempat di Pusat Pengembangan Warisan, Bangunan Arkib Negara Malaysia-lama.
- Program IM4U PUSPANITA Bil. 3/2016, 17-18 Mac 2016 bertempat di Kg. Mangkuk dan Pantai dan Pantai Rhu, Daerah Setiu, Terengganu.
- Majlis Makan Malam Ladies Nite-Namaste Bollywood Nite sempena Mesyuarat Agung Perwakilan PUSPANITA ke 34,25 April 2016 bertempat di PUSPANITAPURI.
- Ceramah Pengurusan Kewangan Peribadi : "Urus Wang", 12 Mei 2016 bertempat di Auditorium Wisma Warisan, Arkib Negara Malaysia.
- Ceramah Tahunan PUSPANITA "Lelaki: Hargai Kesihatan Anda", 26 Mei 2016 bertempat di PUSPANITAPURI.
- Sesi Perkongsian Ilmu "Gelombang Ancaman-Ancaman Luar ke atas Malaysia dan Kesediaan Kita Menghadapinya, 8 September 2016 bertempat di PUSPANITAPURI.
- Program Kecergasan Zafeena Fitness, 26 September 2016 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang.
- Lawatan Sambil Belajar PUSPANITA ke Pulau Langkawi, 23-26 November 2016 bertempat di Pulau Langkawi.
- Persidangan Tahunan PUSPANITA Tahun 2016, 17-18 November 2016 bertempat di PUSPANITAPURI.
- Lawatan ke Pusat Pelancongan Kelip-Kelip, 19 November 2016 bertempat di Kg. Kuantan, Kuala Selangor.

# PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DAN RAKAN MEDIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DAN RAKAN MEDIA

Sebanyak 139 liputan daripada media massa dan media elektronik seperti Radio IKIM.fm, Nasional fm, Bernama Radio dan Traxx fm. Manakala bagi siaran artikel di akhbar bercetak dan akhbar dalam talian, Jabatan telah mendapat sebanyak 116 liputan yang terdiri daripada Utusan Malaysia, Berita Harian, Harian Metro, Sinar Harian, Kosmo, Borneo Post, Utusan Post, Bernama, New Straits Times, The Sun, Malay Mail, My News Hub, Berita RTM Online dan Astro Awani Online.




## Rancangan Lari TV9

TV9 telah merakam 2 episod rancangan Lari di Perpustakaan Negara Malaysia. Rancangan ini melibatkan selebriti iaitu Atu dari kumpulan Zero, Tania Hudson, Noni AF9, Ezzrin Loy, Chef Fikri dan Nazrif.





## Hajat 2016

Produksi Illanun Films Sdn Bhd mewakili ASTRO Prima dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah menjayakan satu program realiti TV berbentuk tanggungjawab sosial korporat (CSR) terbitan ASTRO yang bertajuk HAJAT 2016 bagi episod 3. Hos bagi episod ini ialah Rezal Zambery Yahya (pemain bola sepak kebangsaan) adalah berkenaan dengan hajat seorang pengetua Sekolah Maktab Sultan Abu Bakar bagi mengubahsuai sebuah bas sekolah lama mereka untuk dijadikan sebuah perpustakaan bagi kegunaan pelajar-pelajar sekolah. Perpustakaan Negara Malaysia telah memberi sumbangan buku dan pinjaman buku secara berkelompok kepada Maktab Sultan Abu Bakar.






## Dokumentari Tun Abdul Razak

Pihak ASTRO telah membuat penggambaran di Perpustakaan Negara Malaysia bagi sebuah dokumentari khas Tun Abdul Razak sempena Hari Kebangsaan 2016. Bahan rujukan seperti surat khabar, mikrofilem dan bahan buku telah dijadikan rujukan khas bagi penggambaran ini.

## Sidang Media Khas Rancangan Klinik Jawi di Radio IKIM.fm

Sidang Media Khas ini bersempena penerbitan Rancangan Klinik Jawi musim kedua yang merupakan satu inisiatif NBOS di antara PNM, IKIM.fm dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Klinik Jawi merupakan program yang diterbitkan bagi melaksanakan Pembudayaan Tulisan Jawi dan sebagai medium untuk menyemarakkan semula penggunaan tulisan Jawi di samping menyelesaikan kekeliruan dan pemasalahan dalam masyarakat berkaitan sistem ejaan Jawi lama Za'aba dan sistem ejaan Jawi baharu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sekaligus mengekalkan warisan tidak ketara negara. Rancangan ini mula bersiaran pada 2 April 2016 dan akan berakhir pada 30 Disember 2017.



# KERATAN AKHBAR

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
1966-2016

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

| BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANA | KPI | RATING | | | | SASARAN 2016 | PENCAPAIAN 2016 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BT | OT | ET | ST | | |
| | 1. Peningkatan Indeks Kepuasan Pelanggan PNM | | | | | | |
| | (a) Memastikan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM memenuhi jangkaan dan kepuasan pelanggan. | <90% | 90% | >90% | >100% | 90% | 95.4% |
| | 2. Peningkatan peranan PNM dan amalan terbaik dalam bidang kepustakawanan di Malaysia menerusi: | | | | | | |
| PERKHIDMATAN KORPORAT | (a) Bilangan semakan Akta<br>i. Akta Perpustakaan Negara Akta 80 1972 (mengandungi segala pindaan sehingga 1 Januari 2006) (Akta 80) | 1 | 1 | >1 | >2 | 1 | - |
| | ii. Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan (Akta 331) | 1 | 1 | >1 | >2 | 1 | 2 |
| | (b) Bilangan semakan dasar iaitu Dasar Baru (Dasar Maklumat Negara) | 1 | 1 | >1 | >2 | 1 | 1 |
| PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT | 3. Peningkatan Pengiktirafan dan Integriti maklumat dan statistik dalam bidang perpustakaan melalui: | | | | | | |
| | Jumlah penerbitan laporan kajian/penyelidikan/statistik | <10 | 10 | >10 | >12 | 10 | 10 |
| | 4. Peningkatan tahap penerimaan dan pengamalan rakyat terhadap gagasan 1Malaysia menerusi: | | | | | | |
| PERKHIDMATAN KORPORAT | (a) Program Membaca 1Malaysia<br>i. Bilangan Program | <11 | 11 | >11 | >15 | 11 | 21 |
| | ii. Bilangan Pengunjung/ Penyertaan/ Bilangan Penonton TV | <1.2 juta | 1.2juta | >1.2 juta | >2 juta | 1.2 juta | 5 juta |
| | 5. Peningkatan kemudahan pengaksesan dan pembangunan kandungan digital: | | | | | | |
| PERPUSTAKAAN DIGITAL NEGARA | (a) Jumlah bahan yang didigitalkan (mukasurat) | <110,000 | 110,000 | >110,000 | >130,000 | 110,000 | 135,789 |
| PEMBANGUNAN KOLEKSI | (b) Bilangan rekod bibliografi baru Portal Katalog Induk Kebangsaan (KIK) | <100,000 | 100,000 | >100,000 | >200,000 | 110,000 | 109,611 |
| | 6. Peningkatan tahap penggunaan Bahasa Melayu di kalangan masyarakat menerusi: | | | | | | |
| PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT | (a) Bilangan program/aktiviti pembudayaan bahasa Melayu | <5 | 5 | >5 | >7 | 5 | 5 |
| | (b) Bilangan khalayak yang menyertai program Pembudayaan Bahasa Melayu | <5,000 | 5000 | >5000 | >6000 | 5000 | 5,011 |

| BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANA | KPI | RATING | | | | SASARAN 2016 | PENCAPAIAN 2016 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BT | OT | ET | ST | | |
| PEMBINAAN KOLEKSI | 7. Pengukuhan Koleksi Intelek Negara untuk rujukan masyarakat masa kini dan akan datang melalui: | | | | | | |
| | (a) Peningkatan bilangan koleksi PNM: | | | | | | |
| | i. Koleksi Malaysiana dan Koleksi Umum yang diperolehi melalui pembelian / hadiah dan pertukaran / salinan | <97,000 | 97,000 | <97,000 | >105,000 | 98,000 | Judul = 7296 Naskhah = 28,645 |
| | ii. Koleksi Malaysiana yang diperolehi melalui Penguatkuasaan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (A331) | <180,000 | 180,000 | >180,000 | >190,000 | 180,000 | 208,170 |
| | iii. Koleksi Perpustakaan Desa | <260,000 | 260,000 | >260,000 | <280,000 | 260,000 | Penulis = 96 Judul = 101 Naskhah = 37,021 |
| | iv. Jumlah Pendokumentasian bahan (Judul) | <32,000 | 32,000 | >32,000 | >34,000 | 32,000 | *24,947 |
| | *PBN – 21,371 BPK – 3,576 | | | | | | |
| | (b) Pemerkasaan industri buku di Malaysia menerusi: | | | | | | |
| | i. Bilangan ISBN yang diterbitkan | <20,000 | 20,000 | >20,000 | >22,000 | 20,000 | 22,640 |
| | ii. Bilangan ISSN yang diterbitkan | <300 | 300 | >300 | >320 | 300 | 273 |
| | iii. Bilangan data Pengkatalogan dalam Penerbitan (CIP) | <6,000 | 6,000 | >6,000 | > 7,000 | 6000 | 6,131 |
| | (c) Memperkasakan Pusat Manuskrip melayu menerusi pemuliharaan manuskrip | | | | | | |
| | i. Bilangan manuskrip yang dipulihara (muka surat) | <2,000 | 2,000 | >2,000 | >2,200 | 2,000 | - |
| | (d) Memperkasakan perkhidmatan rujukan dan perujukan menerusi pemuliharaan bahan/koleksi | | | | | | |
| | i. Bilangan bahan yang dipulihara/ jilid (Naskhah) | <2,000 | 2,000 | >2,000 | >3,000 | 2,000 | 1,530 |
| BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN | 8. Peningkatan kompetensi dan kepakaran sumber manusia dalam bidang kepustakawanan melalui: | | | | | | |
| | (b) Bilangan khalayak yang menyertai program Pembudayaan Bahasa Melayu | <5,000 | 5000 | >5000 | >6000 | 5000 | 5,011 |
| | i. Jumlah latihan (dalam dan luar jabatan) | <80 | 80 | >80 | >100 | 80 | 85 program latihan |
| | ii. Memastikan 90% kakitangan PNM menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun | <90 | 90 | >95 | >100 | 90% | 98% |

| BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANA | KPI | RATING BT | RATING OT | RATING ET | RATING ST | SASARAN 2016 | PENCAPAIAN 2016 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN SUMBER MANUSIA | 9. Peningkatan penggunaan aplikasi HRMIS Jabatan bagi modul/submodul (HRMIS) seperti berikut: | | | | | | |
| | i. Pengemaskinian rekod peribadi | <95% | 95% | >97% | >100 | 100% | 100% |
| | ii. Pengemaskinian profil perkhidmatan | <100% | 95% | >97% | >100 | 95% | 100% |
| | iii. Pengemaskinian data perjawatan | <95% | 95% | >97% | >100 | 100% | 100% |
| | iv. Perisytiharan harta | <95% | 95% | >97% | >100% | 100% | 100% |
| | v. Sasaran kerja tahunan/ Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) | <95% | 95% | >97% | >100% | 100% | 100% |
| | 10. Peningkatan kualiti fizikal dan ruang perpustakaan yang kondusif kepada pengguna melalui: | | | | | | |
| | (a) Penyelengaraan kawasan dan premis pejabat serta perkhidmatan berdasarkan kepada elemen: | | | | | | |
| | i. Keselamatan | <4 | 4 | >4 | >6 | 4 | 4 |
| | ii. Keceriaan kawasan perpustakaan | <4 | 4 | >4 | >6 | 4 | 4 |
| | iii. Kemudahaan awam | <4 | 4 | >4 | >6 | 4 | 4 |
| | 11. Pengurusan kewangan Jabatan secara efektif dan berhemah | | | | | | |
| | i. Pungutan Akaun Belum Terima (ABT) | <50,000 | 50,000 | >50,000 | >60,000 | 50,000 | <50,000 |
| | ii. Peratus Perbelanjaan Belanja Mengurus (ABM) | <98% | 98% | >98% | >150% | 98% | 99.34% |
| | iii. Prestasi pembayaran bil dalam masa 14 hari | <95% | 95% | >95% | >150% | 100% | 99% |
| PRASARANA ILMU DAN MAKLUMAT | 12. Peningkatan prasarana perpustakaan untuk masyarakat luar bandar/pedalaman di seluruh negara melalui: | | | | | | |
| | i. Pertambahan perpustakaan desa | <3 | 3 | >3 | >5 | 5 | *4 |
| | *i. PD Kg. Lebu, Bentong, Pahang ii. PD Kg Kota Lama Kanan, Kuala Kangsar, Perak iii. PD Taman RPA Sauk, Perak iv. PD Tanah Merah, Kelantan | | | | | | |
| BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT/ BAHAGIAN RANGKAIAN SISTEM PERPUSTAKAAN | 13. Pemodenan perkhidmatan perpustakaan menerusi aplikasi ICT | | | | | | |
| | (a) Pembangunan perkhidmatan u-Pustaka melalui: | | | | | | |
| | i. Bilangan ahli baru | <6,000 | 6,000 | >6,000 | >7,000 | 6,000 | *59,457 |
| | ii. Bilangan pinjaman bahan | <1,500 | 1,500 | >1,750 | >2,000 | 1,500 | 1,159 |
| | iii. Bilangan penyelenggaraan | <4 | 4 | >4 | >6 | 4 | 4 |
| | * Pertambahan keahlian yang besar kerana adanya proses migrasi/muatnaik data keahlian dari sistem LMS (PNM, PKL, PPAP & PUSTAKA (Miri) ke pangkalan data keahlian u-Pustaka, pada Mei 2016 | | | | | | |



| BAHAGIAN/ UNIT PELAKSANA | KPI | RATING | | | | SASARAN 2016 | PENCAPAIAN 2016 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | BT | OT | ET | ST | | |
| | 14. Pemerkasaan peranan sebagai pusat rujukan maklumat negara | | | | | | |
| PERKHIDMATAN RUJUKAN DAN MAKLUMAT | i. Peningkatan Pertanyaan Rujukan Ringkas | <30,000 | 30,000 | >30,000 | >31,000 | 32,000 | 31,260 |
| | ii. Bilangan penyelidik yang mendapat khidmat perujukan | <300 | 300 | >300 | >400 | 300 | 302 |
| | iii. Peningkatan bahan rujukan yang di rujuk | <420,000 | 420,000 | >420,000 | >430,000 | 420,000 | 463,094 |
| PERKHIDMATAN KORPORAT | iv. Peningkatan keahlian | <65,000 | 65,000 | >65,000 | >66,000 | 63,000 | 17,525 |
| PERPUSTAKAAN CAWANGAN DAN KOMUNITI | v. Peningkatan peminjaman bahan | <6,000 | 6,000 | >6,000 | >7,000 | 6,000 | 330,000 |
| | (a) Peningkatan literasi maklumat di kalangan pengguna menerusi: | | | | | | |
| PERKHIDMATAN KORPORAT | i. Program literasi maklumat dan galakguna perpustakaan | < 75 | 75 | >75 | >90 | 75 | 62 |
| | ii. Bilangan pengguna yang menyertai program literasi maklumat | <3,000 | 3,500 | >3,500 | >4,000 | 3,000 | 5,842 |



## BUDAYA MEMBACA

Semaikan di jiwa budaya membaca
Pasti bertambah ilmu yang ada
Bangsa dan usia bukan ukuran
Yang membezakan kebijaksanaan

Bacalah bacalah mari membaca
Mudah dilakukan di mana berada
Bacalah dengan mata dan hati
Dunia luas kita terokai

Beraneka jenis bahan bacaan
Yang bermanfaat pilihan utama
Orang berilmu dipandang mulia
Semaikan budaya membaca

Bacalah bacalah mari membaca
Jadikan membaca budaya kita
Jadikan membaca...budaya kita

*Lagu : Pak Ngah*
*Lirik : Habsah Hassan*
*Nyanyian : Kior Swara*
*Pemuzik : Swakarya*

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK, 50572, KUALA LUMPUR
T. 603 2687 1700 | F. 603 2694 2490

www.pnm.gov.my

ISSN 0128 - 3170
9 770128 317007 >